

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.4/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 26 MEI 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.4/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 26 MEI 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.3/2014 bertarikh 30 April 2014.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.3/2014.
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.4/2014.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.4/2014.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.3/2014.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.3/2014.

- 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.7/2014.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8/2014.
6. Ucapan Penangguhan oleh Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said.
 7. Penutup.

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.4/2014**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.3/2014 bertarikh 30 April 2014.
2. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 4.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.3/2014.
 - 4.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.4/2014.
 - 4.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.4/2014.
 - 4.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.3/2014.
 - 4.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.3/2014.
 - 4.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.7/2014.
 - 4.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8/2014.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 30 APRIL 2014

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain Pemangku Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 9. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 10. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 12. | Pn. Sharifah Haslizah binti Syed Ariffin | - | " |
| 13. | Tn. Azlan bin Maddin | - | " |
| 14. | Tn. Ramlie bin Md Said | - | " |
| 15. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 16. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |

17. En. Johari bin Atli - Setiausaha
Pemangku Setiausaha

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
3. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
4. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
5. En. Mohamad Yusof bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
6. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
7. En. Khairul Azmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Pn. Zuraaina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
9. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
10. En. Ahmad Alhairi bin Muhammed Yusuf
Jabatan Bangunan dan Senibina
11. En. Rosli bin Jaafar
Jabatan Penguatkuasa
12. Pn. Norlela binti Kamsi - Urusetia
Bahagian Urusetia
13. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN PENGERUSI

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sekali lagi dianugerah empat (4) bintang pada Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2012-2013 dengan markah 84.70%. Pada tahun 2010-2011, MPAJ ditarafkan empat (4) bintang dengan markah 81.70%. Tahniah kepada Ahli Majlis dan kakitangan MPAJ yang telah berusaha dan bekerja keras untuk memastikan MPAJ mendapat pengiktirafan Star Rating tersebut. Untuk makluman semua, MPAJ telah menduduki tempat ke-10 antara PBT di Malaysia.
- 2.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 9 Oktober 2013 telah menimbang dan meluluskan semua PBT Selangor mengguna pakai kadar Fi lessen dan deposit mengikut kadar di bawah UUK 2007 berkuatkuasa pada 1 Januari 2014 di mana ianya selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil (UUK) 4 (4) (a) UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007.

- 2.3. Tuan Pengerusi memaklumkan deposit yang dikenakan bukanlah kenaikan Fi lesen tetapi merupakan bayaran yang hanya perlu dibayar sebanyak 1 kali sahaja selagi peniaga mematuhi semua peruntukan undang-undang dan syarat-syarat yang dikenakan oleh MPAJ atau sehingga peniaga menghentikan aktiviti perniagaan tersebut.
- 2.4. Tuan Pengerusi memaklumkan dalam ucapan Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar dan Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) semasa merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding di Melaka pada 28 April 2014, bahawa aktiviti penjualan rokok secara haram berjumlah 8 bilion batang (bersamaan 1600 kontena) setahun telah melibatkan kerugian cukai yang bernilai RM2 Bilion atau bersamaan RM7 juta sehari. Sehubungan dengan itu, pihak Y.B Menteri menyeru kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar turut bersama-sama membentras aktiviti penjualan ini.
- 2.5. Isu pendatang asing juga dilihat sebagai salah satu faktor pendorong kepada wujudnya masalah penjaja haram di penempatan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Oleh itu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan drastik perlu diambil secara konsisten ke arah perkembangan positif transformasi PBT.
- 2.6. Sehingga tahun 2014 ini, pertumbuhan pusat-pusat hiburan seperti internet kafe, pusat karaoke dan lain-lain telah banyak mengundang kepada peningkatan masalah gejala sosial. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan

perlu dijalankan secara berintergriti dan telus bagi membanteras masalah ini daripada terus berleluasa.

- 2.7. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bersama-sama pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta Pejabat EXCO Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar telah menganjurkan Kursus Induksi Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Berstrata (focus) kepada pihak JMB yang beroperasi di bawah pentadbiran MPAJ pada 26 April 2014 - 28 April 2014. MPAJ telah memperuntukan bajet tahunan khas sebanyak RM50,000.00 bagi memastikan program ini dijalankan secara berterusan dalam menyampaikan ilmu pengurusan dan penyelenggaraan bangunan. Kursus ini merupakan yang pertama kali dianjurkan oleh MPAJ dan Kerajaan Negeri Selangor, kursus tiga hari ini dihadiri seramai 100 orang peserta yang terdiri dari 20 JMB dari kategori kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi.

Modul atau sibus yang terdapat di dalam program ini ialah:

- a. Pengurusan mesyuarat agung
- b. Pengurusan akaun
- c. Pengurusan insuran
- d. Pengurusan lif
- e. Kaedah perlantikan kontraktor
- f. Asas-asas penyelenggaraan
- g. Psikologi dan kepimpinan
- h. Konsep asas pengurusan bangunan strata

- 2.8. Satu Konvensyen KIK Peringkat MPAJ telah diadakan pada 22 dan 23 April 2014 bertempat di Auditorium MPAJ. Konvensyen yang dianjurkan adalah bertujuan untuk membudayakan usaha inovasi di kalangan warga kerja MPAJ. Sebanyak 10 kumpulan telah menyertai Konvensyen ini dan pemenang tempat pertama dimenangi oleh Pasukan Lex Legis daripada Jabatan Undang-Undang. Pemenang tempat ke dua telah dimenangi oleh pasukan KIK PK Tech daripada Jabatan Penguatkuasa. Kedua-dua pasukan tersebut akan mewakili MPAJ dalam Konvensyen di peringkat Negeri sekitar Bulan Julai atau Ogos 2014. Seterusnya pemenang bagi tempat ketiga telah dimenangi oleh pasukan KIK Syukur daripada Jabatan Belia dan Masyarakat. Pasukan Syukur akan mewakili MPAJ ke Konvensyen ICC di peringkat Wilayah Tengah.
- 2.9. Lanjutan daripada Inovasi yang dihasilkan oleh MPAJ, pada April 2014, seramai 7 panel penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) telah hadir ke MPAJ apabila MPAJ telah berjaya melepassi saringan kedua saringan tersebut. Pihak MPAJ telah mempersembahkan semua produk-produk inovasi yang dihasilkan sepanjang tahun 2011 hingga 2013 untuk dinilai oleh pihak KPKT.
- 2.10. Permit sementara Pasar Juadah Ramadhan, MPAJ 2014 telah dibuka bermula 1 April 2014 sehingga 30 April 2014. Majlis telah menetapkan syarat di mana pemohon wajib mendaftar aktiviti perniagaan dengan SSM dan menghadiri kursus dan taklimat kebersihan yang dianjurkan oleh MPAJ.

Bagi peniaga atau pengajur yang berhasrat untuk menganjurkan Bazar Raya bersempena Aidilfitri pada bulan Ramadhan yang dijangkakan jatuh pada 29 Jun 2014, boleh mengemukakan borang permohonan kepada MPAJ bermula daripada 2 Mei 2014 dan tarikh akhir bagi penyerahan borang permohonan adalah pada 15 Mei 2014. Pengajur bagi Bazar Raya disyaratkan mestilah terdiri daripada syarikat swasta.

- 2.11. Tuan Pengurus seterusnya memaklumkan mulai 15 April 2014, En. Johari bin Atli, Pegawai Undang-Undang merangkap Pemangku Setiausaha telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Pengurus Jawatankuasa untuk mengaudit Jabatan Undang-Undang Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Turut dilantik dalam pasukan audit ini adalah En. Mohd Fazrin bin Abd. Rahman, Ketua Bahagian Audit Dalam MPAJ, Juruaudit daripada MPSJ, MBSA dan Juru Audit Dalam Negeri Selangor. Kerja-kerja auditan ini dijangka berlangsung selama 6 bulan.
- 2.12. Tuan Pengurus juga memaklumkan tender untuk menaik taraf jalan bagi projek MARRIS dengan peruntukan sebanyak RM 24 juta sedang dilaksanakan. Kerja-kerja menaik taraf jalan dijangka dapat disiapkan sebelum Sambutan Hari Raya Aidilfitri.
- 2.13. Akhir sekali, Tuan Pengurus mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja yang jatuh pada 1 Mei 2014. Semoga para pekerja dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berwawasan.

3. PENGESAHAN MINIT MESUARAT BIL. 2/2014

Minit Mesuarat Penuh Majlis Bil. 2/2014 bertarikh 31 Mac 2014 disahkan tanpa pindaan. Minit mesuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Lim Fong Len dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. PEMBENTANGAN KERTAS

5.1. KERTAS MAKLUMAN SENARAI NAMA AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI SESI 2014 -2015

Mesuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 menerima dan mengesahkan senarai nama Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat di Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi sesi 2014 - 2015.

- 5.1.1. Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan - Pengerusi
- 5.1.2. Tn. Azlan bin Maddin
- 5.1.3. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal
- 5.1.4. Tn. Dr. Lai Fatt Sian
- 5.1.5. Pn. Yogayswari a/p Ramalu

MAKLUMAN

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 18 April 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar.

MAKLUMAN

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 3/2014 yang telah diadakan pada 17 April 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said.

MAKLUMAN

6.3. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 3/2014 yang telah diadakan pada 22 April 2014 dengan tambahan seperti

di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

6.3.1. Pengurusan Pasar Malam

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan dikehendaki menyediakan dan membentangkan satu kertas makluman berhubung perjalanan pengurusan pasar malam mulai bulan Februari 2014. Ini adalah susulan daripada arahan Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana PBT Negeri Selangor mengambil alih pengurusan pasar malam.

MAKLUMAN

6.4. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 22 April 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN

6.5. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 2/2014 yang telah diadakan pada 24 April 2014 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said.

6.5.1. Perkara 2.2 di muka surat 208

Jabatan Belia dan Masyarakat sebagai urus setia Sukan JKP tahun 2014 diminta menyelaraskan semula **pelaksana** bagi acara `indoor game' bagi acara sukan ping pong, karom dan dam aji kepada mana-mana Zon JKP yang tidak tersenarai.

MAKLUMAN

6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014 bertarikh 30 April 2014 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5/2014 dan bil. 6/2014 bertarikh 11 April 2014 dan 23 April 2014.

MAKLUMAN

7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN SIAN KENG ENG

Puan Sian Keng Eng mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2014.

Dalam ucapannya, beliau mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya pihak Kerajaan Pakatan Rakyat kerana memberi mandat serta kepercayaan dan menerima beliau sebagai Ahli Majlis bagi penggal ke 3. Beliau berjanji akan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin dan sebagai Ketua Zon 24, beliau berharap dapat memberikan perkhidmatan yang boleh meningkatkan kualiti hidup penduduk di Zon 24.

Beliau seterusnya mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat yang membantu beliau tidak kira masa walaupun di luar waktu pejabat terutamanya semasa berlaku catuan air di Zon 24.

Beliau seterusnya menyentuh berkenaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Beliau melahirkan rasa tidak setuju dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan sebanyak 6% akan memberi beban kepada rakyat yang berpendapatan pertengahan ke bawah. Implemtasi GST akan memberi memberi kesan sampingan kepada golongan miskin dan sederhana. Negara yang lebih membangun mampu melaksanakan cukai ini kerana pendapatan rakyat mereka adalah lebih tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia terlebih dahulu mencapat status

berpendapatan tinggi' sebelum melaksanakan cukai GST. Meningkatkan kadar cukai tanpa meningkatkan pendapatan rakyat boleh membebankan rakyat.

Begitu juga, beliau berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat mengkaji semula kenaikan fi lesen yang kenaikannya mencapai 400 % dan cagaran lesen yang dikenakan. Kenaikan fi lesen ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati kepada para peniaga khususnya. Beliau juga membangkitkan berhubung catuan air dan berharap Kerajaan Negeri dapat memberhentikan catuan air tersebut.

Seterusnya beliau menarik perhatian ahli mesyuarat kepada beberapa perkara yang sering menjadi isu yang memerlukan tindakan segera daripada pihak Majlis. Isu-isu yang dibangkitkan adalah:

- i) Isu pembersihan - Pihak Majlis diminta mewujudkan satu sistem pemantauan yang sempurna ke atas kerja-kerja kontraktor pembersihan dan mengkaji semula kontrak pembersihan terutama dari segi harga yang ditawarkan dan mengapa terdapat kontraktor yang gagal melaksanakan kerja-kerja pembersihan.
- ii) Isu struktur rumah sampah - memastikan rumah sampah yang disediakan mengikut spesifikasi dan penyediaan tong sampah di kawasan rumah kedai. Beliau juga mencadangkan penubuhan satu 'task force' untuk mengkaji sistem pembersihan ini.

- iii) Mencadangkan Majlis mengadakan lawatan ke PBT dalam atau luar negeri untuk mempelajari bagaimana mereka berjaya mengawal kebersihan di tempat mereka seperti kebersihan bandar di Zhongshan, Beijing dan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
- iv) Isu 'road gang' juga dibangkitkan di mana dipersoalkan samada tenaga kerja dan peruntukan yang ada mencukupi atau tidak bagi menampung masalah jalan berlubang di 24 zon dalam kawasan Majlis.
- v) Menyarankan supaya Majlis dapat meningkatkan kesedaran masyarakat akan bahayanya penyakit demam melalui kempen dan program pendidikan kebersihan dan kesihatan yang berkesan. Ini akan dapat membantu mengelakkan pembiakan nyamu aedes dan sebagainya.
- vi) Pembentukan satu pasukan cantasan pokok perlu diwujudkan. Pasukan ini berfungsi meronda di setiap zon mengikut jadual. Sekiranya semasa rondaan terdapat dahan-dahan pokok didapati perlu dicantas, pasukan ini boleh melaksanakan segera. Keadaan ini dapat mengurangkan aduan dahan patah atau tumbang terutama pada musim hujan lebat.

Akhir sekali, beliau mencadangkan supaya Majlis dapat meningkatkan perkhidmatan yang lebih efektif dalam penggunaan alat telekomunikasi seperti telefon pintar. Beliau mencadangkan supaya Majlis mewujudkan satu kumpulan whatsapp termasuk Ahli Majlis dan setiap wakil daripada setiap jabatan. Secara tak

langsung, Ahli Majlis boleh menyampaikan aduan atau masalah zon masing-masing. Wakil jabatan boleh menyampaikan aduan ini kepada unit masing-masing. Cara ini akan lebih efektif untuk menyelesaikan masalah aduan di MPAJ.

8. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada 11. 57 pagi.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM BIL. 3/2014-30.4.2014.*

4.1.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN
BINAAN TANPA IZIN BIL.3/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 12 MEI 2014

MASA : 9.30 PAGI - 11.25 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 4. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 5. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 6. | Tn. Ramlil Bin Md. Said | - | " |
| 7. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 8. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 3. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |

LAMPIRAN A**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.4/2014****LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.3/2014 telah diadakan pada 12 Mei 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG
PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN
BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan surat arahan kepada pemilik untuk kemukakan permohonan pelan bangunan pada 31 Mac 2014 tetapi tiada maklumbalas daripada pemilik. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan pada 15 Mei 2014.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

**2.2 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS
TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan masih dalam tindakan pihak TNB. Pihak Majlis masih belum menerima maklumbalas daripada pihak TNB.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

**2.3 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA
TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, izin pendakwaan telah diperolehi dan kes telah didaftarkan di mahkamah untuk mendapatkan tarikh sebutan pertama.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.4 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan, Orang Kena Saman (OKS) mengemukakan rayuan kompaun dan tarikh sebutan ditetapkan pada 29 Mei 2014.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.5 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, tembok penahan 'RC Retaining Wall' telah siap dibina di tapak dan pemilik akan mengemukakan Aku Janji struktur tembok tersebut.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

2.6 GERAI TOMYAM DAN GERAI BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, notis bagi tempoh 21 hari telah dikeluarkan pada 2 Mei 2014. Tindakan susulan akan dibuat oleh Pejabat Tanah Hulu Langat.

Tindakan :
Pejabat Tanah Hulu Langat

2.7 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, di dalam rancangan Tempatan MPAJ 2020, kawasan tersebut dizoningkan sebagai kawasan lapang dan rekreasi. Jabatan Perancang Bandar telah menjalankan bancian pada 9 Mei 2014 dan mendapat terdapat 2 buah bengkel kereta, 1 buah bengkel motor, 1 buah kedai gunting rambut dan 1 buah stor barang. Perkara ini akan dipanjangkan kepada PTD Hulu Langat untuk tindakan penguatkuasaan.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar/
PTD Hulu Langat

2.8 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, jabatan akan mengeluarkan notis roboh pada struktur tersebut.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

2.9 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, izin pendakwaan telah diterima dan kes telah didaftarkan di mahkamah untuk mendapatkan tarikh sebutan pertama.

Tindakan :
Jabatan Undang-undang

2.10 STATUS STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI SEBAHAGIAN JALAN WAWASAN 3, BANDAR BARU AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, surat peringatan telah dikeluarkan pada 7 Mei 2014, pemohon perlu mengemukakan pelan permohonan pembinaan struktur telco dalam tempoh 21 hari. Jabatan akan mengeluarkan notis roboh pada struktur sediada selepas tarikh tersebut.

Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina

**2.11 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI
BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan akan diambil oleh pihak TNB dan pihak jabatan masih belum mendapat maklumbalas daripada pihak TNB.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

**2.12 AKTIVITI KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT
TERATAI**

Mesyuarat dimaklumkan, notis mengosongkan tanah kerajaan bawah Seksyen 425(1) KTN telah dikeluarkan oleh PTD Hulu Langat semasa operasi bersama Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Penguatuasa MPAJ pada 2 Mei 2014 dan tempoh notis adalah 21 hari sebelum tindakan penguatuasaan lanjut dibuat. Tindakan susulan akan dibuat oleh Pejabat Tanah Hulu Langat.

Tindakan :

PTD Hulu Langat

**2.13 KEPERLUAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LANDSKAP DI
KAWASAN MEDAN IKS, JALAN TERATAI 1/16, TAMAN BUKIT
TERATAI**

Mesyuarat dimaklumkan, notis mengosongkan tanah kerajaan bawah Seksyen 425(1) KTN telah dikeluarkan oleh PTD Hulu Langat semasa operasi bersama Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Penguatuasa MPAJ pada

2 Mei 2014 dan tempoh notis adalah 21 hari sebelum tindakan penguatkuasaan lanjut dibuat. Tindakan susulan akan dibuat oleh Pejabat Tanah Hulu Langat.

Tindakan :

PTD Hulu Langat

**2.14 GANTIAN SURAU BARU DI LORONG PANDAN TAMBAHAN 1
YANG DIROBOHKAN UNTUK PROJEK SRI PINANG VILLA (TAPAK
TANAH JAIS)**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan masih dalam perbincangan bersama pihak pemaju iaitu Sri Seltra Sdn. Bhd. Pemilik tanah telah bersetuju untuk menyerahkan tanah di atas Lot PT 30468 seluas 7083kp.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

**2.15 GERAI MAKAN DI DALAM KAWASAN FLAT SERI DAGANG,
TAMAN DAGANG (SEBELAH DEWAN ORANG RAMAI)**

Mesyuarat dimaklumkan, 11 peniaga di tapak telah dikeluarkan permit perniagaan dan hasil daripada pemantauan Jabatan terdapat satu unit gerai baru telah dibina. Pihak Jabatan telah mengeluarkan notis dan operasi perobohan akan dilaksanakan pada 14 Mei 2014.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/

Jabatan Penguatkuasa

2.16 AKTIVITI DI 'FLYOVER' KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menawarkan penjaja di bawah 'flyover' ke Medan Selera Angsana Hilir dan sedang menunggu maklumbalas penerimaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.17 PREMIS MENJUAL AIS DI L9, L10 PANDAN JAYA MENGGUNAKAN PETAK PARKING

Mesyuarat dimaklumkan, notis roboh ke atas struktur di tapak telah tamat tempoh dan pihak Jabatan akan melaksanakan operasi meroboh pada 20 Mei 2014.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.18 GARAJ KERETA HARAM BERTUTUP DI KG KEMENSAH YANG MENGGANGGU PANDANGAN PENGGUNA JALAN RAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah menangguhkan operasi meroboh pada 10 April 2014 disebabkan pemilik berjanji dan meminta akan merobohkan struktur tersebut dengan sendiri. Walau bagaimanapun, struktur tersebut masih belum ditanggalkan. Jabatan akan membuat operasi meroboh pada 15 Mei 2014.

Tindakan :

**Jabatan Bangunan & Senibina/
Jabatan Penguatkuasa**

2.19 UBAHSUAI DALAMAN DI KETAPANG VILLA, TAMAN NIRWANA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan dalam proses perbincangan bersama Jabatan Undang-Undang untuk pengeluaran notis Seksyen 79, Akta 133.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

**2.20 SEMAKAN STATUS TANAH LAPANG DI JALAN CEMPAKA 10,
TAMAN CEMPAKA**

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan jabatan mendapati di Jalan Cempaka 10, Taman Cempaka terdapat stor menyimpan lori sampah berhampiran kediaman sediada. Semakan di dalam pelan RT, status tapak tersebut merupakan tanah rezab LRT.

Makluman

**2.21 PEMBINAAN BANGSAL DI TANAH KOSONG DI PERSIMPANGAN
JALAN WANGSA 1 / JALAN WANGSA 9**

Mesyuarat dimaklumkan, jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik untuk kemukakan permohonan pelan struktur sementara.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.22 STATUS PEMBINAAN BANGUNAN DI PERSIMPANGAN ANTARA JALAN INDAH 1 DAN JALAN INDAH 8, KG AMPANG INDAH

Mesyuarat dimaklumkan, notis memberhentikan kerja tanah telah dikeluarkan pada 5 Mei 2014 kepada pemilik Lot 1281, Jalan Indah 8, Kg Ampang Indah. Pemilik telah diminta untuk mengemukakan permohonan kelulusan pelaksanaan kerja tanah kepada pihak Jabatan Kejuruteraan. Jabatan telah menyediakan laporan kompaun susulan tiada sebarang maklumbalas daripada pemilik.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

2.23 STATUS GERAI-GERAI DI BELAKANG AMPANG POINT (HADAPAN RHB BANK)

Mesyuarat dimaklumkan, penjaja di kawasan ini telah diluluskan oleh Majlis. Konsep penjajaan adalah menggunakan lori Kompleks Muhibah. Sebanyak 9 unit penjaja sahaja dibenarkan.

Makluman

2.24 STATUS RUMAH TERBENGKALAI ‘SUPERHOMES’ DI JALAN WANGSA 9 DAN PENGHJUNG JALAN WANGSA 11

Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Bangunan & Senibina membuat penyelarasan bersama jabatan teknikal MPAJ untuk penyediaan kertas kerja kepada Kerajaan Negeri bagi penyelesaian isu tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.25 PERMOHONAN MEMBINA GERAI UPEN DI JALAN WANGSA 2 DAN JALAN WANGSA 4

Mesyuarat dimaklumkan, program gerai UPEN tidak lagi dilaksanakan dan tiada peruntukan daripada pihak UPEN. Pihak Jabatan diminta mengkaji kesesuaian dibangunkan gerai di kawasan tersebut dan rancang projek ini pada tahun 2015.

Makluman

2.26 STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI DI RUMAH PANGSA TAMAN BAKTI DAN SUMBANGAN PEMAJU KEPADA PENDUDUK

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis tidak terlibat dalam perjanjian antara penduduk dan pemaju bagi isu pampasan yang dituntut oleh penduduk.

Makluman

2.27 STATUS GERAI KIOSK MARA DI JALAN CEMPAKA 8, TAMAN CEMPAKA

Mesyuarat dimaklumkan, pendidikan menjaga kebersihan akan diberikan kepada penjaja kiosk terbabit bagi memastikan keadaan persekitaran terkawal. Pemantauan berkala akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Tindakan tegas akan diambil sekiranya penjaja tidak mengikut arahan.

Makluman

2.28 STATUS 'LAND TITLE' BAGI KAWASAN PERUMAHAN DI TAMAN ANGSANA HILIR

Mesyuarat dimaklumkan, merujuk kepada surat KABRA bertarikh 14 April 2014, pihak KABRA telah membuat rayuan di Mesyuarat Kerajaan Negeri berhubung tabung caruman amanah perkuburan.

Makluman

2.29 STATUS GERAI B.O.T TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, status BOT Taman Muda telah tamat dan penyelarasan laporan sedang dibuat.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.30 TEMPAT CUCI KERETA TANPA PERMIT DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, 3 kali sitaan telah dilaksanakan iaitu pada 31 Mac, 10 April dan 8 Mei 2014. Permohonan lesen telah dibuat pada 24 April 2014 dan jabatan sedang menunggu ulasan teknikal dalaman.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan

2.31 KERETA BURUK DI JALAN 19, TAMAN PUTRA

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada 9 Mei 2014 dan tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas tempoh notis tamat.

Makluman

2.32 CADANGAN MEMBINA PASAR, PARKING DAN KONDOMINIUM BERTINGKAT DI TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan jabatan mendapati tanah tersebut adalah tanah milik pemaju.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.33 KERETA BURUK DI JALAN LEMBAH JAYA (SEBELAH GERAI GORENG PISANG)

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada 9 Mei 2014 dalam tempoh 3 hari. Tindakan akan dilaksanakan selepas tempoh notis tamat.

Makluman

2.34 OPERASI KEDAI IKLAN DI NO. 19G, JALAN MULIA JAYA 4/1, TAMAN MULIA JAYA YANG MENGELOUARKAN GAS-GAS BERACUN

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan penyiasatan bersama Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan telah di jalankan mendapati premis 19G tidak

wujud. Namun terdapat 2 premis yang menjalankan kerja-kerja perniagaan pengiklanan iaitu 3G dan 7G Jalan Mulia Jaya 4/1 iaitu Hot Multi Media Enterprise (berlesen) dan Rentak Infiniti Sdn. Bhd. (tidak berlesen). Pihak Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan notis pematuhan syarat pada 1 April 2014 dan jawapan daripada Hot Multi Media Enterprise telah di terima pada 11 April 2014. Operasi perniagaan di jalankan di dalam premis.

Makluman

2.35 PERMOHONAN PEMBINAAN RANGKA IKLAN JKP DI SIMPANG 8B LEMBAH JAYA SELATAN DAN PERSIMPANGAN JALAN INDUSTRI

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan perlu dikemukakan terus ke Jabatan Bangunan & Senibina untuk proses pembinaan rangka iklan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.36 STATUS GERAI DI LOT 1779, KG AMPANG INDAH

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan gerai dilaksanakan oleh pemilik sendiri. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan dikehendaki untuk memastikan tindakan dilaksanakan seperti diarahkan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.37 PENAMBAHAN DI BAHAGIAN BELAKANG GERAI PLB, TAMAN SRI RAYA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan notis perobohan telah dikeluarkan kepada penjaja pada 8 Mei 2014. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan pada 22 Mei 2014.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan & Perbandaraan

2.38 RUMAH KEDAI (WARNA HIJAU) FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU MEMBUANG PHALET KAYU

Mesyuarat dimaklumkan, pemantauan pada 30 April 2014 mendapati tiada sebarang phalet kayu yang diletakkan di kawasan tersebut. Pemantauan berterusan akan dibuat bagi mengenalpasti individu yang membuang phalet di kawasan tersebut.

Makluman

2.39 MENUTUP LONGKANG DENGAN KONKRIT DI KAWASAN RUMAH KEDAI DI FASA 3, TAMAN LEMBAH JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik yang menutup struktur longkang. Tindakan penguatkuasaan akan dibuat selepas tamat notis tersebut.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.40 PUSAT SIBER HARAM DI FASA 3, TAMAN LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 9 Mei 2014 melibatkan 4 buah premis.

Makluman

2.41 REBAN AYAM DAN PUSAT KITAR SEMULA DI BELAKANG FASA 3, TAMAN MAJU JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan telah diambil pada 9 Mei 2014 dan sebanyak 50 ekor ayam telah disita. Pemantauan akan dilaksanakan daripada masa ke semasa bagi memastikan pemilik reban ayam tidak membina semula reban-reban ayam yang telah di robohkan.

Makluman

2.42 KES BINAAN RUMAH YANG TIADA ANJAKAN DI BAYU MAS

Mesyuarat dimaklumkan, berdasarkan keputusan representasi, pihak Majlis akan membuat penawaran kompaun berdasarkan kiraan yang akan dibuat ole Jabatan Bangunan & Senibina dan pihak Orang Kena Saman (OKS) perlu menyelesaikan bayaran tersebut.

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 STATUS PEMBINAAN DEWAN DI PADANG TAMAN DAGANG FASA 2A

Semakan berhubung pembinaan sebuah dewan di padang Taman Dagang Fasa 2A bersebelahan dewan JKP MPAJ. Dewan tersebut telah digunakan oleh individu bagi meletak barang-barang binaan dan mencadangkan dewan tersebut dirobohkan untuk dibina gelanggang futsal.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.2 Lori Sampah di Pasar Jalan Bunga Mawar, Taman Muda

Terdapat sebuah lori kontraktor sampah diletakkan di pasar Jalan Bunga Mawar, Taman Muda. Kerjasama Majlis supaya mengarahkan kontraktor berkenaan mengalihkan lori tersebut ke tempat yang bersesuaian.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3 STATUS GERAI MAKANAN DI JALAN BUNGA MAWAR 2, JALAN BUNGA TANJUNG 10 DAN 10A, TAMAN MUDA

Perancangan yang akan diambil oleh Majlis ke atas gerai-gerai kecil yang menjual makanan di Jalan Bunga Mawar 2, Jalan Bunga Tanjung 10 dan 10A, Taman Muda. Ketika ini

pihak Majlis ada mengutip yuran dari pegerai-pegerai tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4 STATUS KEDAI HARDWARE DI PERSIMPANGAN MASUK KE JALAN INDAH 1, KG AMPANG INDAH

Disemak kewujudan sebuah kedai hardware di persimpangan masuk ke Jalan Indah 1, Kg Ampang Indah bagi perkara-perkara berikut:

- i) Status tanah
- ii) Lesen perniagaan
- iii) Menjadi tempat simpanan besi buruk dan barang lusuh
- iv) Lereng / cerun berdekatan dicemari dengan bahan-bahan terbuang
- v) Dinding @`hoarding' menyakitkan pemandangan
- vi) Keselamatan

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.5 RUMAH USANG DI LEMBAH JAYA SELATAN (JALAN BESAR LEMBAH JAYA SELATAN)

Terdapat sebuah rumah usang di atas tanah JPS di Lembah Jaya Selatan (Jalan Besar Lembah Jaya Selatan). Pihak Majlis diminta merobohkan rumah usang tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.6 LOT TEMPAT LETAK KERETA DI HADAPAN BLOK 4 FLAT DESA LEMBAH PERMAI

Aduan diterima berhubung lot tempat letak kereta yang di 'booking' dengan meletakkan motor di atas lot parking tersebut di Blok 4, Flat Desa Lembah Permai, Lembah Jaya Utara.

Tindakan :
Bahagian COB /
Jabatan Penguatkuasa

3.7 BINAAN GERAI BARU DI ATAS LONGKANG DI HADAPAN SEKOLAH LEMBAH JAYA SELATAN

Terdapat binaan gerai baru di atas longkang yang baru dibaiki di hadapan Sekolah Lembah Jaya Selatan dan mohon binaan tersebut dirobohkan segera.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan /
Jabatan Penguatkuasa

3.8 STRUKTUR GERAI (KHEMAH DI HADAPAN RESTORAN FATIMAH GHOUSS) BERDEKATAN PAGAR SEKOLAH AGAMA LEMBAH JAYA

Mohon tindakan ke atas struktur gerai (khemah di hadapan Restoran Fatimah Ghous) berdekatan Sekolah Agama Lembah Jaya kerana ia berada di atas monsoon drain.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan /
Jabatan Penguatkuasa

3.9 CADANGAN MEMBINA GERAI KECIL DI JALAN LEMBAH JAYA SELATAN

Mencadangkan Majlis membina gerai kecil di Jalan Lembah Jaya Selatan untuk peniaga kecil seperti stall pisang goreng dan kuih muih.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.10 RUMAH-RUMAH TINGGAL DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS

Terdapat banyak rumah-rumah tinggal di kawasan MPAJ terutama sekali di kawasan Ampang Utama dan mencadangkan Majlis menguruskan rumah-rumah tinggal sebagai sumber pendapatan Majlis.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.11 STATUS TANAH DEWAN ORANG RAMAI LEMBAH JAYA SELATAN

Mohon disemak status tanah Dewan Orang Ramai Lembah Jaya Selatan.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
15APRIL2014

4.2.

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.4/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.4/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 MEI 2014

MASA : 2.30 PETANG - 5.10 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

| | | | |
|----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 6. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 8. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

| | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
|----|--|---|-------------|

LAMPIRAN B**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.4/2014****LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.4/2014 telah diadakan pada 21 Mei 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 30 APRIL 2014**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2014 ialah sebanyak RM46.70 juta dan tunggakan cukai sebanyak RM14.10 juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 167,321 bil bagi tempoh penggal pertama (1) dalam tahun 2014.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 30 April 2014 ialah

sebanyak RM40.97juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM35.11juta; 75.19% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM5.86juta; 41.57%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 30 April 2014 dan 30 April 2013.

| Perbandingan kutipan cukai taksiran | | | |
|-------------------------------------|---------------------|---------------------|--|
| Perkara | 01/01/14 – 30/04/14 | 01/01/13 – 30/04/13 | Ulasan |
| Kutipan cukai semasa | RM35.11juta | RM31.22juta | Peningkatan kutipan cukai semasa RM3.89juta; 11.07% |
| Kutipan tunggakan cukai | RM5.86juta | RM5.18juta | Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.68juta; 11.60% |
| Jumlah | RM40.97juta | RM36.40juta | Peningkatan kutipan keseluruhan RM4.57juta; 11.15% |

2.1.4. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 30 April 2014 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

| Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK | | | |
|--|----------------------------|-------------------|-----------------------------|
| Jenis cukai taksiran | Sasaran kutipan arahan SUK | Pencapaian Majlis | Kekurangan/ Lebihan sasaran |
| Cukai semasa | RM42.03juta | RM35.11juta | RM6.92juta |
| Tunggakan cukai | RM9.87juta | RM5.86juta | RM4.01juta |

2.1.5. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu pada bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap hari Ahad di Menara

MPAJ sahaja pad bulan Februari dan Ogos setiap tahun.

- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28/29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Menyediakan sistem komuniti pintar ICOMM (MPAJ Intelligent Community System) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- f) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- g) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.

- h) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- i) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke *Convergent Technologies Operating System (CTOS)*.
- j) Mendapatkan perintah mahkamah dan memasukkan kaveat pendaftar di atas bagi proses lelongan di bawah Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 30 April 2014. Mesyuarat juga mohon kajian dan segera laksanakan kuatkuasaan CTOS.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 30 APRIL 2014

- 2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 hingga 30 April 2014.
- 2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM117.30juta dengan perbelanjaan RM28.91juta atau 24.65% daripada peruntukan yang

telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM2.70juta bagi tahun 2014.

2.2.3. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis hingga 30 April 2014 berjumlah RM34.15juta dengan perbelanjaan RM32.84juta atau 96.16%. Peruntukan khas yang telah diterima namun masih belum dibelanjakan hingga 30 April 2014 berjumlah RM196ribu.

2.2.4. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2014 sehingga 30 April 2014.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 HINGGA 30 APRIL 2014

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 hingga 30 April 2014.

2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM40.97juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM7.65juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 30 April 2014 berjumlah RM48.62juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 30 April 2014 berjumlah RM37.25juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 30 April 2014 berjumlah RM11.37juta.

2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 30 April 2014 adalah sebanyak RM73juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.

2.3.4. Majlis masih kekurangan aliran wang tunai sebanyak RM61.12juta untuk perbelanjaan Mei 2014- Disember 2014.

(Baki peruntukan vot Majlis tanpa emolumen - simpanan tetap baki peruntukan perbelanjaan Majlis)=(RM91.08juta-RM24.96juta)-RM5juta=RM61.12juta.

2.3.5. Mesyuarat **mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dari 1 Januari 2014 hingga 30 April 2014.**

2.4. MAKLUMAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 SUSULAN DARIPADA LAPORAN PENGURUSAN AUDIT SELANGOR BERSAMA JABATAN AUDIT NEGARA CAWANGAN NEGERI SELANGOR

2.4.1. Mesyuarat memaklumkan kepada Majlis mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 susulan daripada laporan pengurusan yang telah dikeluarkan oleh Audit Swasta Syed Mubarak & Co. bersama Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor.

2.4.2. Penyata Kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah dibentangkan di Mesyuarat Penuh

Majlis Bil. 2/2014 pada 31 Mac 2014. Pengauditan Penyata Kewangan Majlis telah dilakukan oleh Audit Swasta yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor iaitu Syed Mubarak & Co. bermula pada 03 April 2014 dan berakhir pada 18 April 2014.

- 2.4.3. Hasil laporan pengurusan Syed Mubarak & Co. yang diterima pada 06 Mei 2014, pihak Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor dan Audit Syed Mubarak & Co. memaklumkan pandangan seperti berikut :
 - 2.4.3.1. Mencadangkan pelupusan lori Kompleks Muhibbah direkodkan di dalam Daftar Hartanah & Peralatan dan dipersembahkan di dalam Penyata Kewangan. Majlis telah mengambil tindakan ke atas perkara tersebut.
 - 2.4.3.2. Mencadangkan nota bagi Kerja Dalam Kemajuan dinyatakan nilai kontrak dan komitmen modal dalam Penyata Kewangan dan meneliti ejaan nota-nota kepada penyata kewangan. Majlis telah mengambil tindakan ke atas perkara tersebut.
 - 2.4.3.3. Mencadangkan agar Penyata Perubahan Ekuiti dikemaskini bagi memastikan persembahan penyata kewangan yang lebih

baik. Majlis telah mengambil tindakan ke atas perkara tersebut.

2.4.3.4. Mencadangkan agar wang cagaran yang telah diwartakan oleh pihak Majlis diserahkan kepada Pendaftar Akta Wang Tidak Dituntut kerana pihak Majlis tidak mendapat kelulusan daripada Pendaftar Akta Wang Tidak Dituntut bagi membolehkan cagaran tidak dituntut tersebut diiktiraf sebagai hasil Majlis. Majlis mengambil tindakan ke atas makluman tersebut dengan menghantar cagaran tahun 1992 dan 1993 kepada Pendaftar Akta Wang Tidak Dituntut.

2.4.4. Mesyuarat **mengambil maklum para 2.4.3 ke atas pandangan dan tindakan susulan ke atas Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.**

2.5. KERTAS CADANGAN BAGI KERJA-KERJA MEMBEKAL SERTA MEMASANG LONGKANG 'U' SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN IKAN JELAWAT 1, KAMPUNG AMPANG CAMPURAN, AMPANG, SELANGOR

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan yang melebihi RM20,000.00.

2.5.2. Berdasarkan kepada aduan daripada penduduk dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil 01/2014

mendapati kawasan di sekitar Jalan Ikan Jelawat 1, Kampung Ampang Campuran sering berlaku banjir kilat sekiranya hujan lebat berterusan selama 2 jam.

2.5.3. Hasil semakan mendapati punca berlakunya banjir akibat daripada longkang tersumbat yang disebabkan oleh sistem perpaipan ke kawasan perumahan merintangi longkang. Walaubagaimanapun terdapat longkang jenis V-shape bersaiz 300mm x 300mm di bawah laluan keluar masuk ke rumah dan menyebabkan aliran air longkang menjadi tidak lancar.

2.5.4. Pihak jabatan telah mengambil tindakan segera di bawah peruntukan Seksyen 30, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi kerja-kerja pembaikan yang sedang dilaksanakan :

| TAJUK KERJA | SKOP KERJA & KOS (RM) | NAMA SYARIKAT | STATUS KERJA (%) |
|--|--|------------------|------------------|
| Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Longkang 'U' Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Ikan Jelawat 1, Kampung Ampang Campuran, Ampang, Selangor. No.Fail : MPAJ.KEJ.PP. 720-5/1/3/13 | Kerja Awalan Kerja-Kerja Pembersihan Kerja-Kerja Longkang Kos : RM 49,785.00 | Shico Enterprise | 30 % |

2.5.5. Mesyuarat bersetuju kerja-kerja membekal serta memasang longkang 'U' serta lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Ikan Jelawat 1, Kampung Ampang Campuran dilaksanakan oleh Syarikat Shico Enterprise dengan kos RM49,785.00.

2.6. CADANGAN KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN DI 7 LOKASI KEGAGALAN CERUN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MPAJ SEBAGAI LANGKAH KESELAMATAN

2.6.1. Mesyuarat dikemukakan dengan senarai kerja pengukuhan cerun pada cerun yang telah terjadinya kegagalan dan perlu pelaksanaan segera secara reka dan bina. Tawaran kerja-kerja ini melebihi RM20,000.00.

2.6.2. Terdapat 7 cerun yang mempunyai permasalahan kestabilan di mana cerun-cerun tersebut beberapa siri kejadian hakisan tanah dan jatuh batuan.

2.6.3. Berikut adalah senarai cerun yang mengalami kegagalan dan jabatan telah banyak menerima aduan daripada penduduk sekitar berkaitan masalah tersebut :

| Bil. | Lokasi | Kronologi kejadian | Ancaman Risiko |
|------|---|---|---|
| 1 | Hakisan tanah di Jalan Enggang 6, Taman Keramat, Hulu Kelang. | Telah berlaku 3 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2012 & 2013 | 1 blok pangsapuri 5 tingkat dan 10 unit rumah teres |

| | | | |
|---|--|--|---|
| 2 | Hakisan tanah di Jalan Lee Woon, Taman Zoo View, Hulu Kelang | Telah berlaku 2 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2012 & 2013 | Laluan / jalan utama Taman Zoo View |
| 3 | Gelinciran batuan di Jalan UP 4/2, Taman Ukay Perdana, Hulu Kelang. | Telah berlaku 3 siri kejadian gelinciran batuan sepanjang tahun 2012 & 2013 yang mengakibatkan 2 kenderaan rosak | Pengguna jalan raya UP4/2, Taman Ukay Perdana |
| 4 | Gelinciran batuan di Jalan UP 3/2, Taman Ukay Perdana, Hulu Kelang. | Telah berlaku 2 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2013 | 6 unit rumah Berkembar dua tingkat |
| 5 | Hakisan tanah di Jalan Umar Al-Khatab, Lembah Jaya, Ampang. | Telah berlaku 4 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2012 & 2013 | Laluan / jalan utama Lot-lot Banglo |
| 6 | Gelinciran batuan di Lorong Permai 5, Taman Bukit Permai, Ampang. | Telah berlaku 2 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2013 | 4 unit rumah teres dua tingkat |
| 7 | Gelinciran batuan di Pangsapuri Mutiara Court, Taman Bukit Permai, Ampang. | Telah berlaku 4 siri kejadian hakisan tanah sepanjang tahun 2013 & 2014 | Tempat letak kereta kawasan pangsapuri |

2.6.4. Tindakan penstabilan kekal perlu dilaksanakan segera kerana kandungan air dalam tanah yang tinggi akibat hujan lebat akan mempercepatkan lagi kegagalan cerun tersebut.

2.6.5. Kos anggaran bagi cadangan kerja-kerja penstabilan cerun-cerun kritikal adalah seperti berikut:

| Bil. | Lokasi | Anggaran Kos Pembaikan(RM) |
|-------------|---|---|
| 1 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Jalan Enggang 6, Taman Keramat, Hulu Kelang. | 197,000.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Soil nailing• Guniting• Sistem saliran |
| 2 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Jalan Lee Woon, Taman Zoo View, Hulu Kelang | 195,240.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Trimming• Guniting |
| 3 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Jalan UP 4/2, Taman Ukay Perdana, Hulu Kelang | 175,000.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Removal & Scalling• Guniting |
| 4 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Jalan UP 3/2, Taman Ukay Perdana, Hulu Kelang | 165,000.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Removal & Scalling• Guniting |
| 5 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Jalan Umar Al-Khatab, Lembah Jaya, Ampang. | 190,060.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Soil nailing• R,C Wall• Micropile• Sistem saliran |
| 6 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Lorong Permai 5, Taman Bukit Permai, Ampang. | 185,350.00 <u>Kerja:-</u> <ul style="list-style-type: none">• Removal & Scalling• Rock Bolt• Guniting |

| | | |
|---|---|---|
| 7 | Cadangan Kerja Penstabilan Cerun Di Pangsapuri Mutiara Court, Taman Bukit Permai, Ampang. | 140,000.00 <u>Kerja:-</u> • Removal & Scalling • Rock Bolt • Guniting |
| | JUMLAH | RM 1,247,650.00 |

2.6.5. Pihak Jabatan Kejuruteraan mencadangkan kerja-kerja penstabilan cerun kritikal ini dibiayai melalui peruntukan khas Majlis dan dilaksanakan secara sebutharga terhad. Pihak jabatan juga telah kenalpasti syarikat-syarikat yang berpengalaman dan berkemampuan untuk merekabentuk, membina dan mentauliahkan kerja-kerja pengukuhan cerun tersebut.

2.6.6. Mesyuarat memutus dan **bersetuju tindakan awal pelarasan sebutharga terhad. Pelantikan akan dibuat sekiranya kedudukan kewangan Majlis mencukupi.**

2.7. CADANGAN PENYELESAIAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN MELALUI KAEDAH KONTRA DALAM BENTUK ASET ALIH OLEH TETUAN ALLY SALES SDN. BHD. BAGI PIHAK ENCIK ABD HAMID BIN IBRAHIM

2.7.1. Mesyuarat dikemukakan cadangan penyelesaian tunggakan cukai taksiran melalui kaedah "kontra" dalam bentuk harta alih oleh Tetuan Ally Sales Sdn Bhd (selepas ini dikenali sebagai **Pihak Syarikat**) bagi pihak Encik Abd Hamid Bin Ibrahim.

- 2.7.2. Encik Abd Hamid Bin Ibrahim adalah merupakan bapa kepada Encik Ally Azran Bin Abd Hamid dan Encik Ally Azwin Bin Abd Hamid (pemilik syarikat) yang pada ketika ini telah meninggal dunia dan memiliki harta (pegangan berkadar) dalam kawasan Majlis iaitu Kedai Pejabat 4 Tingkat yang terletak di Unit D-05/TB, D-05/TM, D-05/2, D-05/3, Palm Square, Taman Dato Ahmad Razali, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.
- 2.7.3. Pihak syarikat ini mengalami keadaan kewangan yang agak meruncing yang membataskan pembayaran tunggakan cukai menggunakan kaedah wang tunai akibat suasana ekonomi semasa yang tidak menentu.
- 2.7.4. Semakan pihak jabatan melalui sistem e-pbt mendapati tunggakan cukai sehingga tarikh laporan ini disediakan adalah sebanyak **RM79,698.27** dengan agihan bahagian tunggakan cukai asas sebanyak **RM65,692.10** manakala bahagian tunggakan denda sebanyak **RM14,006.17** iaitu melibatkan tunggakan sejak tahun 2007 dengan rekod bayaran terakhir yang dikemukakan adalah pada 7 Februari 2014 berjumlah RM10,000.00.
- 2.7.5. Memandangkan pihak syarikat merupakan ejen pengedar kenderaan PERODUA yang berdaftar, pihak syarikat ingin menawarkan aset alih berupa kenderaan penumpang keluaran PERODUA yang merangkumi model VIVA, MYVI dan ALZA.

- 2.7.6. Pihak jabatan mencadangkan pertimbangan boleh diberikan bagi menerima tawaran yang dikemukakan oleh pihak syarikat iaitu minimum **dua (2)** buah kenderaan PERODUA dengan model akan ditetapkan kemudian terhad kepada jumlah tunggakan pihak syarikat yang masih belum dijelaskan.
- 2.7.7. Mesyuarat **bersetuju seperti yang dicadangkan oleh pihak syarikat dan menetapkan kenderaan yang dipilih adalah 2 buah MYVI solid 1.3 (auto) sebagai penyelesaian tunggakan cukai taksiran melalui kaedah kontra dalam bentuk aset alih oleh Tetuan Ally Sales Sdn. Bhd. bagi pihak Encik Abd Halim Bin Ibrahim.**

2.8. KERTAS CADANGAN BENGKEL PENCAPAIAN KERJA SETENGAH TAHUN (JANUARI - JUN) DAN KAJIAN SEMULA SASARAN KERJA (JULAI - DISEMBER) 2014 PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

- 2.8.1. Mesyuarat dikemukakan cadangan bengkel pencapaian kerja setengah tahun (Januari - Jun) dan kajian semula sasaran kerja (Julai - Disember) 2014 Pengurusan Tertinggi bersama Ahli Majlis MPAJ bertujuan membincangkan prestasi MPAJ setengah tahun pertama 2014 dan hala tuju MPAJ bagi setengah tahun kedua 2014.
- 2.8.2. Penganjuran Bengkel Pencapaian Kerja Setengah Tahun (Januari - Jun) Dan Kajian Semula Sasaran Kerja (Julai - Disember) 2014 Pengurusan Tertinggi Bersama Ahli Majlis MPAJ bertujuan membincangkan prestasi MPAJ setengah tahun pertama 2014 dan hala tuju MPAJ bagi setengah tahun kedua 2014.

2.8.3. Cadangan tarikh adalah pada 9 hingga 11 Jun 2014 (3 hari, 2 malam) di Suria City Hotel, Johor Bahru.

2.8.4. Jumlah peserta bengkel adalah seramai 38 orang yang terdiri daripada Pemangku Yang Dipertua, Pemangku Setiausaha, 15 orang Ahli Majlis, 16 orang Ketua Jabatan/Ketua Bahagian Utama, 3 orang urusetia dan 2 orang pemandu.

2.8.5. Anggaran kos perbelanjaan bagi penganjuran bengkel adalah sebanyak **RM16,930.00**

2.8.6. Mesyuarat **bersetuju dengan cadangan bengkel pencapian kerja setengah tahun (Januari - Jun) dan kajian semula sasaran kerja (Julai - Disember) 2014 Pengurusan Tertinggi bersama Ahli Majlis yang akan diadakan pada 9 hingga 11 Jun 2014 bertempat di Suria City Hotel, Johor Bahru dengan anggaran kos RM16,930.00 dengan menggunakan peruntukan Unit Latihan, Jabatan Khidmat Pengurusan.**

2.9. CADANGAN BAGI PERTAMBAHAN PEMBERSIHAN KAWASAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM (PPA) BAGI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS

2.9.1. Mesyuarat dimaklumkan pertambahan kawasan bagi Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam bagi pasar malam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.9.2. Di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya terdapat 27 lokasi pasar malam dengan 34 kekerapan

seminggu atau 136 kali sebulan beroperasi di kawasan MPAJ. Pasar malam tersebut diuruskan oleh JKP dan hanya 1 pasar malam yang diuruskan oleh JKKK.

- 2.9.3. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 38 bertarikh 12 Disember 2013 memaklumkan pengurusan pasar malam dan pasar pagi diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bukan pihak Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Penduduk (JP) atau pihak pengajur.
- 2.9.4. Anggaran kos yang terlibat untuk kerja-kerja pembersihan awam bagi pasar malam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya adalah **berjumlah RM65,955.28 sebulan**
- 2.9.5. Mesyuarat **mengambil maklum dan meluluskan perbelanjaan sebulan yang terlibat bagi perkhidmatan pengurusan pembersihan awam pasar malam di kawasan Majlis adalah berjumlah RM65,955.28 sebulan.**

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT :-

3.1. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, pembinaan telah meliputi 30% merangkumi asas lantai dan 'beam'. Pelaksanaannya masih mengikut jadual. Jangka siap sepenuhnya adalah pada bulan Julai 2014.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan, sehingga kini tiada maklumbalas daripada pihak Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. berhubung lot parking di kawasan-kawasan baru.

Tindakan :

Jabatan Perbendaharaan

3.3. MOHON DILANDSKAPKAN DI BAWAH 'FLYOVER' LEBUHRAYA BESRAYA

Mesyuarat dimaklumkan, semakan oleh pihak jabatan mendapati tidak sesuai dilandskapkan di bawah 'flyover'. Kelulusan pelan landskap yang dikemukakan tidak melibatkan landskap di bawah flyover tersebut.

Makluman

3.4. 'GREEN BUILDING'

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan sedang mendapatkan maklumat insentif yang disediakan oleh kerajaan melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (Seda).

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4. HAL-HAL LAIN

**4.1. MENGKAJI CADANGAN PENYAMBUNGAN JALAN SELEPAS
LAMPU ISYARAT AVENUE AMPANG MENGHALA KE KG
AMPANG CAMPURAN**

Beliau mohon Majlis membuat kajian cadangan bagi penyambungan jalan selepas lampu isyarat Avenue Ampang menghala ke Kg Ampang Campuran.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

**4.2. STATUS CUKAI HIBURAN ATAU CAJ TIKET YANG DIKENAKAN
KEPADА ORANG AWAM UNTUK KE ZOO NEGARA**

Beliau mohon status cukai hiburan atau caj tiket yang dikenakan kepada orang awam untuk ke Zoo Negara.

- a) Berapa jumlah yang dikutip oleh MPAJ pada tahun 2013 sehingga Mei 2014.
- b) Cukai-cukai hiburan seperti hasil tiket wayang, hiburan di hotel-hotel dan individu lain seperti promoter konsert.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
22April2014

4.3.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.4/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.4/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 19 MEI 2014

MASA : 2.30 PETANG - 5.00 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 8. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 9. | Pn. Yogaswari a/p Ramalu | - | " |
| 10. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 11. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------|---|-------------|
| 1. | Pn. Sian Keng Eng | - | Ahli Majlis |
|----|-------------------|---|-------------|

LAMPIRAN C

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.04/2014 telah diadakan pada 19 Mei 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN BARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT
SIBER/KAFE SIBER**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan **43** permohonan baru lesen perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2014.

2.1.2 Mesyuarat memutuskan bagi permohonan baru lesen perniagaan pusat siber/kafe siber sebanyak 43 permohonan **ditangguhkan** atas sebab-sebab berikut:-

- i) Pemantauan semula dari segi aktiviti yang dijalankan kerana terdapat aktiviti-aktiviti yang mencurigakan di premis.
- ii) Pemeriksaan mendapati terdapat perniagaan yang dijalankan melebihi tempoh masa yang ditetapkan.

Senarai 43 permohonan yang ditangguhkan adalah seperti berikut :-

- 1) PF Capital Sdn. Bhd. : 6-23596 KS
- 2) Big Sky Internet Café : 6-24233 KS
- 3) YZ Internet Café : 6-23588 KS
- 4) HKL Station : 6-23400 KS
- 5) HKL Station : 6-24085 KS
- 6) Login PP Internet Café : 6-24314 KS
- 7) Talk Box Internet : 6-23237 KS
- 8) Big Sky Internet Café : 6-24231 KS
- 9) SWK Vision : 6-23594 KS
- 10) Advance Logistics
Computer Sales & Services : 6-24126 KS
- 11) LWS Solution : 6-23406 KS
- 12) B Bike Net : 6-24086 KS
- 13) TBUN Network : 6-23960 KS
- 14) SWK Vision : 6-23584 KS
- 15) CMY Tech Solution : 6-24212 KS
- 16) SWK Vision : 6-24218 KS
- 17) HYS Tech Solution : 6-24217 KS
- 18) Talk Box Internet : 6-24216 KS
- 19) LSW Solution : 6-23402 KS

- 20) SWK Vision : 6-23594 KS
- 21) One Cheras Internet Services
- 22) YZ Internet : 6-23589 KS
- 23) LWS Solution : 6-23405 KS
- 24) Shogun Net : 6-24087 KS
- 25) LWS Solution : 6-23403 KS
- 26) HKL Station : 6-23399 KS
- 27) Big Sky Internet Café : 6-24232 KS
- 28) HKL Station : 6-23395 KS
- 29) CYP Tech Solution : 6-24225 KS
- 30) NLF Solution : 6-24219 KS
- 31) HKL Station : 6-23393 KS
- 32) HKL Station : 6-23401 KS
- 33) LWS Solution : 6-23402 KS
- 34) Talk Box Internet : 6-23236 KS
- 35) Login PP Internet Café : 6-24313 KS
- 36) Kafe Internet Aneka : 6-24315 KS
- 37) HL Dot Internet Café : 6-24316 KS
- 38) Ezscript Enterprise : 6-23035 KS
- 39) The Net Zone : 6-23495 KS
- 40) Wallwax Dot Com : 6-23497 KS
- 41) Wallwax Dot Com : 6-23497 KS
- 42) Usaha Net Com
- 43) Tbun Networks Sdn. Bhd. : 6-24125 KS

2.2 KERTAS MAKLUMAN BANTAHAN PEMBAYARAN CAGARAN LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL MPAJ 2007

- 2.2.1 Mesyuarat dikemukakan mengenai bantahan pembayaran cagaran lesen di bawah Undang-Undang Kecil MPAJ 2007.
- 2.2.2 Berkuatkuasa 2 Januari 2014 pihak Majlis telah mengenakan deposit kepada semua pelesen yang hadir memperbaharui lesen perniagaan selaras dengan Keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 30/2013 bertarikh 9 Oktober 2013 dan Peruntukan Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2007.
- 2.2.3 Pengenaan kadar deposit bagi semua pelesen telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bil 11/2013 pada 13 November 2013 dan diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Bil 11/2013 pada 28 November 2013.
- 2.2.4 Cagaran bagi setiap aktiviti perniagaan mula dikenakan secara 2 fasa :-
- i. Pelesen yang lewat memberbaharui lesen perniagaan selepas 31 Disember 2013 bermula 2 Januari 2014.
 - ii. Pelesen yang telah memperbaharui lesen sebelum 31 Disember 2013 akan mula dikenakan cagaran pada bermula Oktober 2014 (semasa memperbaharui lesen 2015).

- 2.2.5 Pihak Majlis telah menerima bantahan pembayaran wang cagaran lesen daripada Persatuan Peniaga Pandan Mewah (bengkel kereta) dengan alasan seperti berikut :-
- i. Kadar cagaran yang terlalu tinggi dan dianggap membebankan;
 - ii. Mereka bertanggungjawab melupuskan sampah sarap sendiri; dan
 - iii. Segelintir di antara mereka menghadapi masalah banjir kilat apabila hujan lebat sehingga mereka kerugian besar.
- 2.2.6 Susulan daripada itu, satu sesi penerangan mengenai Kadar Cagaran dan Fi Lesen telah diadakan pada 28 April 2014 di Bilik Mesyuarat Tingkat 16 bersama semua peniaga di Pandan Mewah dan turut dihadiri oleh Ahli Majlis Zon 18 Tuan Dr. Lai Fatt Sian dan Ahli Dewan Undangan Negeri Teratai Yang Berhormat Puan Tiew Way Keng.
- 2.2.7 Yang Berhormat Puan Tiew Way Keng memohon Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi mengkaji semula cagaran yang dikenakan kepada para peniaga di kawasan pentadbiran MPAJ.
- 2.2.8 Statistik Pengusaha Bengkel Kereta yang telah membayar cagaran adalah sebanyak 36 bengkel yang memperbaharui lesen perniagaan selepas 31

Disember 2013 dan 12 pengusaha bengkel kereta baru.

- 2.2.9 Sehubungan itu, disyorkan supaya kadar cagaran dikekalkan selaras keputusan Mesyuarat Penuh Bil 11/2013 pada 28 November 2013 atas faktor berikut :
- a) Sudah terdapat pengusaha bengkel yang telah membayar kadar cagaran tersebut dan hanya segelintir pengusaha bengkel yang membantah pembayaran cagaran tersebut.
 - b) Majoriti pengusaha bengkel di kawasan Hata Square telah memperbaharui lesen sebelum 31 Disember 2013. Sehubungan dengan itu, pengusaha mempunyai tempoh masa yang munasabah dan mencukupi untuk membuat persediaan memandangkan hanya perlu membuat bayaran cagaran pada tahun 2015.
 - c) Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pengusaha adalah tidak munasabah memandangkan enggan membayar cagaran yang tinggi disebabkan disebabkan oleh mempunyai lebih dari 1 premis.
 - d) Aktiviti-aktiviti bengkel kenderaan mendatangkan banyak isu seperti kacau ganggu bunyi bising, pembuangan minyak

hitam ke dalam saliran serta halangan tempat letak kereta.

- e) Cagaran adalah berbentuk 'self-regulate' kepada para peniaga dan tindakan kompaun adalah lebih kepada hukuman kepada peniaga.
- f) Cagaran telah dikenakan ke atas semua aktiviti perniagaan dan papan iklan. Secara keseluruhan sebanyak 621 premis yang telah memperbaharui lesen manakala 320 permohonan baru dengan kutipan sebanyak RM743,000.00 cagaran telah dijelaskan oleh peniaga yang memperbaharui lesen dan permohonan baru.

2.2.10 Hasil perbincangan Ahli mesyuarat mencadangkan supaya pengenaan bayaran cagaran lesen ini ditangguhkan untuk 7 UUK tersebut di bawah iaitu

- i) UUK Krematorium (MPAJ) 2007
- ii) UUK Pasar (MPAJ) 2007
- iii) UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembaikan Anjing (MPAJ) 2007
- iv) UUK Iklan (MPAJ) 2007
- v) UUK Pelesenan Establismen Makanan (MPAJ) 2007
- vi) UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007
- vii) UUK Penjaja (MPAJ) 2007

2.2.11. Mesyuarat mengambil maklum pandangan Ahli-Ahli Majlis yang memohon untuk menangguhkan pelaksanaan cagaran bagi aktiviti di bawah UUK yang tersebut di para 2.2.10 di atas. Pandangan Ahli-Ahli Majlis ini akan dibawa ke peringkat Kerajaan Negeri untuk keputusan lanjut. Pelaksanaan diteruskan sehingga terdapat keputusan sebaliknya dari Kerajaan Negeri.

2.3 CADANGAN PENGENAAN WAJIB PERMIT KERUSI MEJA DI KAKI LIMA BAGI AKTIVITI RESTORAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan cadangan pengenaan wajib permit kerusi meja sebanyak 2 unit di kaki lima bagi aktiviti restoran di dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.3.2 Kebanyakan pengusaha restoran, terutama sekali yang menjalankan perniagaan di sebelah malam atau siang, didapati meletakkan kerusi meja perniagaan di kaki lima atau di tempat laluan awam tanpa mendapatkan kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan atas sebab berikut:-

- i. Pelanggan tidak suka berada di tempat yang sempit dan terkepung di dalam premis perniagaan;
- ii. Ruang makan premis yang terhad;
- iii. Harga sewa premis yang tinggi;

- iv. Suhu yang panas di dalam premis perniagaan.
- 2.3.3 Sepanjang tempoh dari Januari hingga Disember 2013, pihak Jabatan Pelesenan telah menjalankan tindakan sitaan kerusi meja dan kompaun. Sebanyak **65 sitaan** kerusi meja dan **1,048 kompaun** atas kesalahan meletakkan barang-barang yang berhubung dengan perniagaan yang menyebabkan halangan di tempat awam.
- 2.3.5 Pengenaan wajib permit kerusi meja (2 unit meja) akan menambahkan hasil Majlis dan sebagai langkah kawalan perletakkan kerusi meja di kaki lima tersebut telah mendapat kelulusan Majlis.
- 2.3.6 Permit kerusi meja ini diluluskan bersekali semasa permohonan baru lesen restoran diluluskan dan bagi permohonan pembaharuan lesen permit kerusi meja untuk 2 buah meja dikira semasa pembaharuan lesen dibuat kecuali bagi premis yang telah mempunyai rekod permohonan kerusi meja akan mengikut kelulusan terdahulu.
- 2.3.7 Cagaran bagi permit kerusi meja hanya dikenakan sebanyak RM 100.00 sahaja, walaupun pengusaha restoran meletakkan sebanyak 10 buah meja di kaki lima. (Rujukan dari MMKN Ke-19/2008).
- 2.3.8 Anggaran tambahan hasil majlis bagi cadangan pengenaan wajib permit kerusi meja bagi aktiviti restoran (Diluluskan secara serta merta di kaunter ‘multitasking’) adalah **RM 481.680.00** setahun

(Pengiraan berdasarkan : RM30.00 x 2 buah meja x 12 bulan x 669 premis restoran)

- 2.3.9 Jabatan mengesyorkan perletakkan kerusi dan meja mengikut waktu operasi perniagaan dengan syarat hanya 2 unit meja sahaja. Permohonan meletakkan lebih dari 2 unit meja akan dipertimbangkan mengikut kesesuaian lokasi. (Contoh jika premis di lot hujung).
- 2.3.10 Tindakan kompaun dan sitaan masih boleh dilakukan jika didapati para pengusaha restoran meletakkan meja di kaki lima melebihi bilangan meja yang telah diluluskan. Sebagai contoh kelulusan 2 unit meja, pengusaha restoran meletakkan 8 unit meja di kaki lima dan tindakan sitaan 6 unit meja boleh diambil (6 unit meja tidak mempunyai permit kerusi meja).
- 2.3.11 Kelulusan hanya diberikan di atas kaki lima sahaja. Permohonan di atas jalan / TLK akan ditolak.
- 2.3.12 Sekiranya terdapat aduan, wakil dari Jabatan Pelesenan akan membuat semakan semula di lokasi terlebih dahulu dan sekiranya didapati :
 - (i) pengusaha restoran yang meletakkan meja di kaki lima melebihi **bilangan yang diluluskan**, tindakan kompaun dan sitaan boleh dijalankan dan;
 - (ii) keadaan tidak sesuai, kelulusan akan dibatalkan

2.3.13 Bagi para pengusaha restoran yang menjalankan aktiviti perniagaan restoran 23 jam atau 24 jam, dikenakan tambahan RM100.00.

2.3.14 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan pengenaan wajib permit kerusi meja (2 unit) di kaki lima bagi aktiviti restoran di dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan syarat tidak dibenarkan meletak gerai memasak di kaki lima. Jabatan Bangunan dan Senibina dimohon untuk menyemak permohonan ubahsuai premis restoran yang melebihi sehingga kaki lima.

2.4 CADANGAN PENGUATKUASAAN/PENGENAAN WAJIB PENYEWAAN TEMPAT LETAK KERETA (TLK) DI HADAPAN PREMIS BAGI AKTIVITI BENGKEL KENDERAAN DI KAWASAN INDUSTRI.

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan cadangan penguatkuasaan/pengenaan wajib penyewaan tempat letak kereta (TLK) di hadapan premis bagi aktiviti bengkel kenderaan di kawasan industri.

2.4.2 Majlis Perbandaran Ampang Jaya mempunyai **11 kawasan industri** yang terletak di Taman Pandan Indah, Kampung Baru, Taman Bukit Permai, Lembah Jaya, Taman Kencana dan Pandan Mewah, Taman Cahaya, Kg. Baru Hulu Klang dan Kawasan Bebas Hulu Klang AU2 dan AU3 Taman Seri Keramat.

- 2.4.3 Semakan telah dibuat dan didapati pada keseluruhannya terdapat **846** unit premis industri di **11 lokasi industri** dan **114** premis (13.47%) adalah yang menjalankan aktiviti bengkel kenderaan.
- 2.4.4 **Isu/masalah** yang dihadapi oleh pihak Majlis bagi aktiviti bengkel kenderaan adalah seperti berikut:-
- i. Pengusaha bengkel menggunakan ruang untuk kereta hadapan premis untuk menjalankan kerja-kerja membaiki kenderaan pelanggan dan diletakkan secara tetap. Aktiviti ini telah mendapat aduan daripada orang ramai atas isu kekurangan tempat letak kereta.
 - ii. Pengusaha bengkel juga, menggunakan ruang yang banyak untuk meletak kereta bersebelahan @ berhampiran bagi kenderaan yang rosak atau sedang dibaiki untuk jangka masa panjang.
 - iii. Terdapat juga pembinaan 'slab' yang menutup longkang di hadapan premis di kebanyakan premis bengkel kenderaan menyukarkan kerja-kerja pembersihan longkang oleh kontraktor pembersihan kawasan.
- 2.4.5 Berdasarkan semakan yang dibuat, didapati di 11 lokasi kawasan industri Majlis, **10 lokasi tiada** petak 'parking' disediakan. Hanya **1 lokasi** sahaja

mempunyai petak 'parking' iaitu di kawasan Taman Cahaya (Industri).

2.4.6 Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah seperti di para 2.4.4. di atas, Jabatan Pelesenan mengesyorkan beberapa cadangan seperti berikut:

- i. Menguatkuasakan dan mewajibkan kepada semua premis perniagaan bagi aktiviti bengkel kenderaan di kawasan industri **menyewa minimum 2 unit tempat letak kereta** di hadapan premis masing-masing agar mengurangkan aduan kerana tempat letak kereta tersebut telah disewa oleh pemilik/penyewa premis perniagaan bengkel kenderaan.
- ii. Memandangkan tiada petak letak kereta disediakan, disyorkan tindakan awal harus dilakukan terlebih dahulu seperti berikut:-
 - a) Melaksanakan **kerja-kerja pengecatan semula** petak letak kereta di kawasan industri oleh Jabatan Kejuruteraan di 5 **lokasi** industri seperti berikut :-
 - i. Pandan Indah Industrial Park (Jalan 1,2,3,4)
 - ii. Taman Industri Merdeka Ria (Jalan Merdeka Ria 1, 2)
 - iii. Taman Industri Bukit Permai (Jalan Bkt. Permai 2)

- iv. Taman Industri Lembah Jaya (Jalan LJ1, LJ2,LJ3,LJ4)
- v. Hata Industrial Centre, Pandan Mewah (Jalan 3/2, 3/3, 3/4 & 3/5).

- iii. Tindakan melaksanakan penyewaan tempat letak kereta oleh Jabatan Perbendaharaan.

- iv. Jabatan Pelesenan akan mensyaratkan pelaksanaan wajib penyewaan **minimum 2 unit tempat letak kereta** seperti berikut:

- i. **Bagi Permohonan Baru**

Menambahkan syarat bagi penyewaan **wajib minimum 2 unit TLK** di dalam Borang Permohonan Lesen dan Papan Iklan (Borang A) dan dikemukakan bersekali dengan Borang Permohonan Sewa Petak Letak Kereta Bermusim (Jabatan Perbendaharaan). Syarat ini juga dinyatakan dalam Surat kelulusan Lesen bagi aktiviti bengkel kenderaan.

- ii. **Pembaharuan Lesen**

Dilaksanakan semasa pembaharuan lesen dibuat.

- v. Anggaran hasil Majlis setahun dianggarkan sebanyak RM **639,360.00**. **Kadar bayaran**

dikenakan mengikut Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MPAJ 2007.

- vi. Penguatkuasaan pengenaan wajib penyewaan tempat letak kereta akan diteruskan untuk lain-lain aktiviti perniagaan yang menggunakan TLK untuk perniagaan di kawasan industri.
 - vii. Semua pemilik/penyewa yang membuat `slab' dikenakan notis untuk membuka dan menggantikan penggunaan struktur `grating concrete' mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan.
- 2.4.7. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan penguatkuasaan/pengenaan wajib penyewaan tempat letak kereta (TLK) di hadapan premis bagi aktiviti bengkel kenderaan di kawasan industri dan seperti syor di para 2.4.6 di atas.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1. KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Berhubung isu peniaga haram gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 yang berniaga di atas tanah berstatus bangunan kediaman, Jabatan Penguatkuasa

memaklumkan kertas siasatan telah dipanjangkan kepada Jabatan Undang-undang untuk tindakan pendakwaan dibawah UUK 3, penjaja (MPAJ) 2007.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa/

Jabatan Undang-Undang

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Jabatan memaklumkan tiada sebarang maklum balas diterima berkenaan tapak cadangan untuk dijadikan tapak bermiaga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue, Pihak Majlis telah menghantar permohonan untuk menukar status tanah tersebut kepada tanah perniagaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Jabatan diminta mengambil tindakan terhadap perniagaan kitar semula yang beroperasi tanpa lesen di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3. SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM

Berhubung isu penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat, mesyuarat masih mengekalkan keputusan untuk menutup pasar malam ini tersebut.

Berkenaan isu pengambilan pasar malam, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan memaklumkan

mesyuarat bersama Ahli Majlis telah diadakan pada 16 Mei 2014 dan memutuskan perkara seperti berikut:

- i. Bayaran kepada pihak JKP sebanyak RM 3 akan dibuat sehingga pihak MPAJ mengambil alih pasar malam tersebut sepenuhnya.
- ii. Senarai pasar malam yang telah diambil alih oleh pihak Majlis sepenuhnya bagi bulan April adalah seperti berikut:
 - a) Taman Muda
 - b) Taman Seraya
- iii. Senarai pasar malam yang telah diambil alih oleh pihak Majlis sepenuhnya bagi bulan Mei adalah seperti berikut:
 - a) AU 4, Keramat
 - b) AU 3, Keramat
 - c) AU 1, Keramat
 - d) Keramat Permai
 - e) Ukay Perdana
- iv. Selepas pengambilan pasar malam tersebut tiada lagi bayaran dibuat kepada pihak JKP
- v. Kertas kerja perancangan untuk pasar malam akan dibentangkan pada mesyuarat Bulan Jun 2014.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4. PENIAGA HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasa di kawasan rumah kedai Flat Ar Riduan, Hulu Kelang mendapati terdapat 12 buah premis yang telah membuat sambungan di bahagian hadaan premis. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pihak JMB pada 28 Mac 2014. Pihak JMB diberi tempoh 7 hari untuk meruntuhkan struktur tersebut. Pihak jabatan juga telah mengemukakan laporan bagi mendapatkan pandangan Jabatan Undang-undang sebelum tindakan lanjut dilaksanakan.

Tindakan:

**Jabatan Penguatkuasa/
Jabatan Undang-undang**

3.5. GERAI HARAM DI SEKITAR TAMAN PERMATA

Jabatan telah mengambil tindakan sitaan pada 2 April 2014 terhadap peniaga haram di hadapan pasaraya Giant dan Seven Eleven Taman Permata yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Tindakan berterusan akan dibuat terhadap penjaja yang tidak mengikuti peraturan di kawasan ini.

Makluman

3.6. GERAI HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT

Pihak jabatan sedang memproses borang permohonan yang diterima oleh 5 penjaja sementara di tapak letak kereta AU3/1 Taman Keramat bagi mengeluarkan permit menjaja

sementara. Jabatan juga telah menawarkan penempatan lain bagi Restoren Aladdin namun pihak restoren belum memberikan sebarang maklumbalas. Jabatan memaklumkan tiada lokasi yang sesuai bagi menempatkan sebuah bengkel kereta di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.7. BESI BURUK DIBUANG DI KAWASAN TANAH LAPANG

Notis telah dikeluarkan kepada 2 buah bengkel yang membuang besi-besi buruk di kawasan tanah lapang di Pandan Mewah iaitu:

- i. Tilan Platform Sdn.Bhd. beralamat di no. 47 Jalan Mewah Pandan Mewah Industri, Ampang.
- ii. Yap See Iron Works, 52 , Jalan Mewah 3/5 Pandan Mewah, Ampang Selangor.

Tindakan sitaan akan dilaksanakan pada 22 Mei 2014.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.8 GERAI HARAM DI TAMAN BUKIT SEGAR

Kompaun telah dikeluarkan kepada penjaja satay dan otak-otak pada 5 Mei 2014 terhadap gerai haram yang beroperasi pada waktu malam di hadapan Restoren Thoulat, Taman Bukit Segar (kawasan rumah kedai). Pemantauan secara berterusan dan berkala akan dilaksanakan.

Makluman

3.9 KERUSI MEJA DI HADAPAN RESTOREN THOULAT

Tindakan kompaun dan sitaan telah dibuat pada 9 Mei 2014 terhadap Restoren Thoulat (mamak) di kawasan rumah kedai Taman Bukit Segar yang meletekkan kerusi dan meja pada waktu malam di atas tempat letak kereta dan menyebabkan halangan.

Makluman

3.10 GERAI HARAM

Notis telah dikeluarkan pada 8 Mei 2014 terhadap gerai haram menjual burger di Jalan Memanda 4, Ampang Point. Tempoh notis tersebut adalah 3 hari dan tindakan akan diambil setelah tamat tempoh notis.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.11 STATUS BOT DI CHERAS INDAH

Jabatan memaklumkan BOT Cheras Indah dibina di atas rezab gerai di Jalan Indah 19, Cheras Indah. Terdapat 11 peniaga yang telah dilesenkan. Program gotong-royong akan dilaksanakan di Cheras Indah bagi memastikan keadaan persekitaran terkawal. Penyelenggaraan akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Penyelarasannya ke atas aktiviti perniagaan akan dilaksanakan berdasarkan permohonan lesen yang dikemukakan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 STATUS SEWAAN TAPAK IKS DI TEPI MRR2 KG PANDAN

Mohon penjelasan berkenaan sewaan tapak IKS di tepi Lebuhraya MRR2 Kg. Pandan (Jumlah kutipan sewaan berkaitan dan jumlah tahunan yang diperolehi.)

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.2 SEMAKAN TAPAK LAPANG DIJADIKAN TAPAK SEMAIAN

Penjelasan jabatan berkenaan tapak lapang di jalan simpang Jalan Putra Sulaiman 4 yang dijadikan tapak semaihan dan seni taman oleh Syarikat Pandan Puri Corporation (M) Sdn.Bhd.

Tindakan :

**Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Penguatkuasa**

4.3 AKTIVITI KURANG SIHAT DI BOT TAMAN PUTRA

Mohon semakan dan tindakan terhadap aktiviti kurang sihat yang berlaku BOT Taman Putra.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.4 STATUS MEDAN SELERA DI TAMAN LEMBAH MAJU

Penjelasan berkenaan status Medan Selera di Taman Lembah Maju. Peniaga-peniaga tidak membuang sampah ke dalam tong sampah.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.5 KENDERAAN DI LETAKKAN DI ATAS JALAN DI HADAPAN KOPITIAM DI KAWASAN RUMAH KEDAI PANDAN PRIMA AMPANG

Terdapat kenderaan diletakkan di atas jalan dan berlapis sehingga menyebabkan halangan kepada kenderaan lain yang melalui jalan tersebut di hadapan Restoran Kopitiam Pandan Prima terutama pada waktu malam. Jabatan Kejuruteraan juga diminta untuk menjalankan kajian untuk menyelesaikan isu di tapak.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa / Jabatan Kejuruteraan

4.6 PEMBANGUNAN KAWASAN TANAH LAPANG BERHAMPIRAN KOPITIAM PANDAN PRIMA

Beliau mencadangkan supaya kawasan tanah lapang /kosong berhampiran Restoran Kapotiam Pandan Prima dijadikan kedai menjual kereta terpakai atau tapak semaihan memandangkan kawasan tersebut kosong dan terbiar.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

5.0 **PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20Mei2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN
AWAM BIL.3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 MEI 2014

MASA : 9.30 PAGI - 12.35 TENGAHARI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

| | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 6. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 9. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 10. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 11. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 12. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku Setiausaha |

LAMPIRAN D

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 04/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 03/2014 telah diadakan pada 21 Mei 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI
UKAY PERDANA, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK,
SELANGOR DARUL EHSAN**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas kerja permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 750 meter bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membina sistem rangkaian paip pembetungan di Ukay Perdana, Mukim Hulu kelang, Daerah Gombak Selangor Darul Ehsan oleh Kota Menara Ufuk Sdn Bhd.

- 2.1.2 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan utama di Taman Ukay Perdana dengan menggunakan kaedah pengorekan terbuka sepanjang 750 meter.
- 2.1.3 Pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pemohon untuk mengemukakan bayaran wang cagaran sebanyak RM 253,050.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.1.4 Pihak jabatan telah menerima permohonan semula daripada Kota Menara Ufuk Sdn. Bhd. di mana perubahan pada jajaran sepanjang 1250 meter dengan kaedah pengorekan terbuka sepanjang 750 meter dan kaedah ‘pipe jacking’ 500 meter. Pengiraan semula wang cagaran bagi permohonan tersebut adalah sebanyak RM 427,415.63 dan wang proses sebanyak RM 625.00.
- 2.1.5 Pihak jabatan juga telah menerima surat rayuan daripada A.Sani & Associates Sdn. Bhd. bertarikh 6hb. Mei 2014 sebagai perunding bagi projek penaiktarafan loji rawatan kumbahan supaya permohonan daripada pihak Kota Menara Ufuk Sdn. Bhd. dipertimbangkan segera.
- 2.1.6 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
- a) Pemohon perlu mengemukakan bayaran wang cagaran berjumlah RM 427,415.63

- b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- c) Pemohon perlu mengemukakan cadangan pengurusan lalulintas dan pengurusan trafik di kawasan keseluruhan cadangan pengorekan jalan.
- d) Pemohon perlu mengemukakan kaedah kerja atau 'Method Of Statement' bagi kerja - kerja pengorekan dan pembaikan yang akan dilaksanakan
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- f) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan bagi keseluruhan jajaran yang terlibat.

- g) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
 - h) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
 - i) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.
- 2.1.7 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas kerja permohonan permit korekan jalan di Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan oleh Kota Menara Ufuk Sdn.Bhd.

2.2 KERTAS MAKLUMAN MENGENAI MASALAH LONGKANG DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

- 2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman mengenai masalah longkang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- 2.2.2 Jabatan memaklumkan panjang longkang jalan utama, jalan dalam dan jalan perumahan termasuk di kampung-kampung tradisi dan longkang di hadapan perumahan/ belakang premis perniagaan adalah sepanjang 1,502.1 km dan pembersihan yang dilaksanakan adalah 2 kali sebulan.
- 2.2.3 Kebanyakan longkang-longkang di pusat-pusat bandar adalah tertutup. Hasil dari pemantauan jabatan juga mendapati kawasan perumahan setingkat dan dua tingkat juga membuat 'konkrit' di hadapan rumah atau menutup sebahagian besar permukaan longkang.
- 2.2.4 Terdapat juga restoran dan kedai makanan yang membuang terus sisa restoran ke dalam longkang tanpa melalui 'grease trap'.
- 2.2.5 Kesan dari perkara tersebut kerja-kerja pembersihan longkang tidak dapat atau lambat dijalankan kerana terpaksa membuka penutup-penutup longkang tersebut.

2.2.6 Kesan dari itu juga telah mengakibatkan air tidak dapat mengalir dan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan kepada orang awam terutamanya yang berdekatan dengan restoran. Selain itu juga ia mengakibatkan banjir kilat.

2.2.7 Pihak jabatan juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang kerap berlaku banjir jika hujan yang terlalu lebat iaitu:

- i. Jalan Pandan Indah 4/2 berhadapan kedai makan Seven Eleven.
- ii. Jalan Pandan Indah 1/21 berhadapan Steven Corner.
- iii. Jalan Pandan Indah 1/16 berhadapan taska MPAJ.

2.2.8 Pihak jabatan mendapati tiada masalah yang agak kritikal terhadap kerja-kerja pembersihan longkang dan struktur longkang juga masih kekal seperti sedia ada. Apa yang menjadi masalah adalah permukaan longkang yang ditutup sepenuhnya di mana kerja-kerja pembersihan tidak dapat dilakukan.

2.2.9 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan kertas makluman mengenai masalah longkang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Jabatan juga diminta untuk memastikan kerja-kerja pembersihan longkang dilaksanakan dengan sempurna dan memastikan sisa-sisa buangan dari

longkang dikutip dan dibuang ke tempat pembuangan supaya ia tidak masuk semula ke dalam longkang.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR MASUK BALAI POLIS AMPANG

Pihak JKR memaklumkan lokasi permohonan bagi kerja-kerja pemasangan lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang tidak sesuai dan tidak memerlukan pemasangan lampu isyarat disebabkan tiada kesesakan.

Makluman

3.2. PELEBARAN JALAN

Kerja-kerja pembinaan longkang dan pemasangan 'scupper drain' di tapak bagi kerja pelebaran jalan di Jalan Manis di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas oleh pihak BHL Gemilang Sdn.Bhd. sedang dalam perlaksanaan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.3. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:

JPS Gombak

3.4. TEHING RUNTUH

Kerja - kerja pembaikan tebing runtuh (monsoon drain) di Jalan Enggang 13 telah diluluskan. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan permit kerja kepada pihak TNB dan kerja akan dilaksanakan setelah kelulusan diperolehi.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.5. LAMPU JALAN

Pihak JKR memaklumkan selepas kajian dijalankan didapati tiada kesesuaian untuk pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut bukan kawasan perumahan.

Mesyuarat mencadangkan supaya mengemukakan permohonan ini kepada ADUN kawasan untuk mendapatkan peruntukan daripada EXCO Infrastruktur.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.6. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB akan merujuk kepada bahagian berkenaan berhubung tindakan pembersihan bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhki semak samun dan belukar.

Tindakan:

TNB

3.7. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Pihak TNB akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencawang-pencawang elektrik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai yang telah dipenuhi rumput.

Tindakan :

TNB

3.8. RUMAH SAMPAH DI FLAT PANDAN UTAMA

Jabatan sedang menunggu maklumbalas dari pejabat ADUN YB Iskandar untuk tarikh mesyuarat bagi membincangkan isu rumah sampah tersebut. Mesyuarat dimaklumkan cadangan rekabentuk rumah sampah untuk pembinaan rumah sampah baru di Flat Pandan Utama telah siap. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan surat arahan kepada pemaju Sriwijaya berkenaan pembinaan rumah sampah tersebut. Jabatan diminta menyelaras semula dengan pihak pemaju bagi pembinaan rumah sampah tersebut.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.9. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak PTD Hulu Langat telah mengeluarkan notis bagi perobohan 15 unit setinggan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah yang didiami oleh warga asing (Indonesia). Tindakan selanjutnya akan diambil setelah tempoh notis tamat iaitu 14 hari.

Tindakan :
PTD Hulu Langat/
Jabatan Perancang Bandar

3.10. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, jabatan sedang mendapatkan maklum balas tarikh bagi mengadakan mesyuarat bersama pihak pejabat ADUN YB Tuan Iskandar bin A. Samad.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.11. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lanjut dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kawasan-kawasan yang telah diberikan TOL yang telah tamat tempoh. Pihak PTD Hulu Langat akan menyemak semula berhubung isu kebenaran TOL yang diberikan terhadap kawasan ternakan di lereng jalan di Jalan Hulu Langat kepada pihak Kerajaan Negeri.

Tindakan :
PTD Hulu Langat

3.12. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Berhubung isu pembinaan Sekolah Kebangsaan Ukay Perdana, permohonan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JKPKSAS pada 14 Mei 2014 dan berkeputusan ditangguhkan. Pemohon diminta untuk memperincikan pelan terutamanya dari aspek keselamatan dan kejuruteraan bagi perbincangan selanjutnya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan tidak hadir semasa sesi perbincangan.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.13. 'CULVERT' TERSUMBAT

Hasil semakan jabatan mendapati kerja-kerja pembersihan longkang tersumbat di Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) telah dilaksanakan oleh pihak JKR pada 7 Mei 2014. Kerja-kerja pemberian culvert dalam tindakan kontraktor. Kerja bermula pada 16 April 2014 dan dijangka siap pada 24 Jun 2014.

Makluman

3.14. PERMOHONAN TOL

Pihak PTD Gombak memaklumkan tidak menerima sebarang permohonan TOL daripada Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana berhubung pembinaan pondok pengawal dan boom gate. Permohonan telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013.

Tindakan:

PTD Gombak

3.15. MOHON LINTASAN BELANG DAN ‘SPEED BREAKER’

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang ‘zebra crossing’ dan ‘speedbreaker’ di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan akan bermula pada pertengahan bulan Julai 2014.

Tindakan :

JKR Hulu Langat

3.16. KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Cadangan rekabentuk bagi pembinaan dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk telah disediakan. Cadangan rekabentuk dewan telah diambil kira melalui pandangan dan perbincangan dengan Ahli Majlis yang dihadiri bersama Persatuan penduduk dan cadangan tersebut akan dimuktamadkan sebelum proses tender dilaksanakan dalam waktu terdekat.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.17. PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Berhubung isu penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A masih diperingkat perbincangan oleh ahli majlis, pihak ADUN dan peniaga. Jabatan juga memaklumkan permit statik telah dikeluarkan kepada 11 peniaga aktif di kawasan tersebut. Jabatan

memaklumkan tidak akan ada penjaja baru serta struktur baru di kawasan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.18. STATUS TANAH UKRC

Pengurusan kes bagi permohonan semakan kehakiman bagi kes bangunan (dewan) bersebelahan Padang MPAJ Kuala Lumpur telah ditetapkan pada 22 Mei 2014. Mesyuarat turut dimaklumkan padang dalam keadaan baik dan diselenggara oleh Jabatan Belia dan Masyarakat.

Makluman

3.19. MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Mesyuarat memaklumkan bagi permohonan kerja-kerja pembaikan jejantas di Pandan Indah telah ditangguhkan untuk tempoh sebulan ke 2 bulan disebabkan keadaan di tapak tidak terlalu kritikal.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.20. KERJA-KERJA PEMBANGUNAN PEMAJU THE MARKS

Jabatan memaklumkan pihak pemaju The Marks di Taman Bukit Segar tidak lagi menjalankan kerja-kerja lebih masa di tapak. Jabatan akan meneruskan tindakan pemantauan dari masa ke semasa.

Makluman

3.21. STATUS TOKONG DAN LAMAN (LANSKAP)

Berhubung isu tokong kecil di Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka yang didapati tiada mendapat kebenaran, jabatan akan mengeluarkan notis kepada pihak tokong tersebut.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.22. PENGUBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN

Berhubung isu kerja-kerja pengubahsuaian dapur rumah tanpa kebenaran di No. 18, Jalan Indah 34, Cheras Indah , notis seksyen 72 (arahan mengosongkan bangunan) telah dikeluarkan pada 22 Oktober 2013. Pihak pemilik masih tidak mematuhi arahan notis dan jabatan dalam proses penyediaan kertas siasatan untuk tindakan undang-undang.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.23. STATUS IKS DI AU3 TAMAN KERAMAT

Pihak Jabatan memaklumkan dalam peringkat penyediaan dokumen terperinci bagi cadangan pemindahan IKS di AU3 Taman Keramat. Tapak cadangan untuk pemindahan adalah di kolam oksidasi berdekatan IKS AU 3 Keramat. Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja mengkambus kolam oksidasi tersebut akan dilaksanakan mengikut perancangan program ROL yang sedang dilaksanakan. Kos pemindahan IKS tersebut akan ditanggung di bawah peruntukan program

ROL. Jabatan diminta menyelaras isu pemindahan ini bersama pihak terlibat dengan terperinci untuk mengelakkan sebarang masalah pada masa akan datang.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.24. PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BESAR AMPANG

Pihak JKR memaklumkan jabatan telah menerima peruntukan MARRIS bagi kerja-kerja pembaikan jalan besar Ampang menghala ke LRT Ampang. Kerja-kerja akan dilaksanakan pada bulan Julai 2014.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.25. AKTIVITI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Semakan jabatan mendapati pihak pemaju Jurubena Tenaga Sdn.Bhd. masih belum memasang 'hoarding' di sekeliling tanah kosong di Jalan 6/11 Taman Tasek Tambahan. Walau bagaimana pun pihak jabatan telah membersihkan longgokan sampah tersebut pada 8 Mei 2014 dan 9 Mei 2014.

Makluman

3.26. PEMBAIKAN DEWAN

Kerja-kerja pembaikan serta pemasangan lampu di gelanggang badminton Dewan Taman Mulia Jaya telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.27. MOHON PELEBARAN JALAN

Pihak pemaju Jaya Ternak Sdn.Bhd. akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Bunga Mawar 4 Taman Putra di lampu isyarat hadapan Puteri Park tersebut seperti mana di dalam syarat kelulusan kerja pembangunan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.28. PENGOPERASIAN TADIKA HARAM

Berhubung aktiviti tadika haram yang beroperasi di Jalan 1 Taman TAR pihak pemohon telah menfaillkan kes ke Lembaga Rayuan untuk kes-kes kesalahan yang telah dikenakan ke atas pemilik taska tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.29. LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembaikan longkang tersumbat di Flat C700 Pandan Perdana telah dilaksanakan.

Makluman

3.30. LALUAN AIR TERSEKAT

Pihak jabatan telah menghantar surat kepada pihak utiliti Syabas dan TNB pada 10 April 2014 untuk tindakan penyelenggaraan longkang yang menyekat aliran air

disebabkan halangan paip utiliti di Jalan Teratai 1 /2 dan Jalan Teratai 1 /2E, Taman Bukit Teratai.

Makluman

3.31. POTONG POKOK

Pihak Syabas memaklumkan pokok di lereng bukit berdekatan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya adalah di luar rezab Syabas. Jabatan diminta untuk mengambil tindakan pemotongan pokok tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.32. PERMOHONAN CANTAS POKOK

Jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas daripada Jabatan Pernutanan Selangor Tengah, Cheras berhubung isu pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya dan sebahagian berhampiran Pangsapuri Meranti tidak dicantas dan telah condong ke tengah jalan tersebut. Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja cantasan dalam waktu terdekat.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.33. PEMBAIKAN PAPAN TANDA

Semakan jabatan mendapati papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di hadapan Pangsapuri Bukit Segar yang telah rosak tersebut merupakan papan tanda 'Dilarang

Menjaja' yang telah bengkok. Jabatan dalam proses penggantian papan tanda baru.

Makluman

3.34. HAKISAN JALAN

Pihak JKR memaklumkan kerja-kerja penyelenggaran hakisan tanah di hujung Jalan Pandan 1, Pandan Jaya menghala ke MRR2 (kawasan selekoh) telah dilaksanakan.

Makluman

3.35. ADUAN POKOK LIAR

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja berhubung pokok-pokok kelapa dan pokok kelapa sawit yang mendatangkan masalah dan kacau ganggu di Blok L38A, Jalan Persiaran 2, Pandan Jaya.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.36. PERMOHONAN CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di tepi dan tengah jalan di Jalan Pandan Utama, Kg Pandan Dalam telah dilaksanakan.

Makluman

3.37. PEMBAIKAN PADANG

Kerja-kerja semakan tapak bagi pembaikan padang Taman Kencana di Jalan 3 /4 Pandan Indah (sebelah tapak pasar malam) telah dilaksanakan pada 2 Mei 2014 dan mendapati padang tersebut masih berada dalam keadaan baik.

Makluman

3.38. CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di kawasan Flat 610 Jalan 5/20 Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.39. PEMBAIKAN LANTAI GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PADANG PERBANDARAN

Kerja-kerja pembaikan lantai gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran Pandan Indah sedang dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.40. GERAI BUAH MOHON DIROBOHKAN

Kerja-kerja merobohkan gerai buah yang telah usang dan tidak beroperasi di Pusat Bandar Melawati bersebelahan dengan bangunan TM telah dipanjangkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk tindakan perobohan.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.41. PEMBERSIHAN LONGKANG DI SEKITAR BAZAR MELAWATI

Jabatan memaklumkan akan mengadakan satu program gotong-royong yang dijadualkan pada 31 Mei 2014 bersama pihak kontraktor kawasan bersama peniaga-peniaga di Bazar Melawati, Taman Melawati. Perbincangkan bersama pihak YB Shahri Bin Sungip juga meminta operasi pembersihan keseluruhan Bandar Melawati juga perlu dilaksanakan dalam tempoh sebulan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.42. PERMOHONAN BAIKI DEWAN

Pihak jabatan mendapati keadaan di Dewan Taman Halaman di Jalan 5, Taman Halaman terlalu usang dan tidak praktikal untuk dibaiki. Pihak jabatan dalam proses perlantikan kontraktor untuk kerja-kerja perobohan dewan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.43. PERMOHONAN LINTASAN BELANG

Pihak JKR memaklumkan bagi permohonan lintasan belang di hadapan Westcourt Ampang Waterfront Fasa 2 (sebelum lampu isyarat simpang empat Taman Kosas) dalam proses sebutharga dan kerja-kerja dijangka akan bermula pada bulan Julai 2014.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.44. PAPAN TANDA JADUAL KUTIPAN SAMPAH UNTUK DIBAIKI

Jabatan telah mengarahkan pihak kontraktor kawasan (Senggara Tani) pada 15 Mei 2014 untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan papan tanda jadual kutipan sampah yang telah rosak bertentangan dengan Kondominium Renjana Ampang (Taman Dagang Permai).

Makluman

3.45. MENAIKTARAF PADANG

Berhubung isu menaiktaraf struktur tanah/ rumput padang bola di Jalan Rasmi 8, Taman Rasmi Jaya, ianya masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.46. ISU PAPAN TANDA NAMA JALAN DI KG BUKIT SG SEPUTEH

Pemasangan semula papan tanda nama jalan yang tidak seragam di kawasan Kg. Bukit Seputeh telah dilaksanakan pada 28 April 2014.

Makluman

3.47. PEMBINAAN BONGGOL / JEJANTAS

Berhubung pembinaan bonggol di Jalan Bunga Melati 8, Taman Seraya, pihak JKR telah menerima arahan daripada JKR Selangor memaklumkan pemasangan bonggol perlu mengikut arahan dan garis panduan pembinaan bonggol dan penyemakan kriteria bonggol sediada supaya terdapat penyeragaman antara setiap daerah di Selangor.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.48. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BUNGA MELATI 8 TAMAN SERAYA

Pihak JKR telah dimaklumkan berhubung permohonan pelebaran jalan di persimpangan lampu isyarat (arah ke kiri) Jalan Bunga Melati 8 Taman Seraya untuk lebih melancarkan pergerakan lalulintas.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.49. PEMBAIKAN SUMP/'MANHOLE'

Pihak IWK memaklumkan hasil semakan ke atas 3 sump/ 'manhole' di Jalan Bunga Melati 8, Taman Seraya, mendapati manhole tersebut berada di dalam keadaan baik dan tidak perlu kerja menaiktaraf.

Makluman

3.50. KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG TAMAN MUDA

Pihak Jabatan sedang dalam proses melantik kontraktor untuk kerja-kerja menaik taraf padang di Jalan Bunga Melur 11 Taman Muda.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

**3.51. STATUS 3 LOT PARKIR KERETA DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B,
TAMAN MUDA**

Berhubung isu mengenai parkir di Jalan Bunga Tanjung 8B yang digunakan sebagai laluan masuk ke lot parkir swasta, pihak pemilik telah mengemukakan permohonan lesen pada 24 April 2014 namun dokumen tidak lengkap (tiada gambar pemohon). Permohonan dalam proses ulasan teknikal. Tindakan sitaan telah dibuat pada 31 Mac 2014, 10 April 2014 dan 08 Mei 2014.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

**(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan
Pembangunan Usahawan)**

3.52. KAWASAN PARKIR DIJADIKAN TEMPAT CUCI KERETA

Berhubung isu pihak operator menjalankan aktiviti cuci kereta di parkir di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda, pemohon telah mengemukakan permohonan lesen pada 24 April 2014 namun dokumen tidak lengkap (tiada gambar pemohon). Permohonan dalam proses ulasan teknikal. Tindakan sitaan telah dibuat pada 31 Mac 2014, 10 April 2014 dan 08 Mei 2014.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

**(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Pelesenan dan
Pembangunan Usahawan)**

3.53. GERAI HARAM

Tindakan sitaan terhadap gerai haram di Pangsapuri Intan TamanBukit Permai telah dilaksanakan pada 16 Mei 2014. Pemantauan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Makluman

3.54. LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang di belakang rumah no. 46, Jalan BS2, Taman Bukit Segar yang telah runtuh dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada bulan Jun 2014.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.55. LAMPU TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan tidak berfungsi di Jalan BS 1, Taman Bukit Segar berhampiran pondok pengawal dan sepanjang jalan Bukit Segar Jaya, Jalan BJS 2 Taman Bukit Segar Jaya 1 telah dilaksanakan.

Makluman

3.56. PAGAR ROSAK AKIBAT KERJA CANTASAN POKOK

Kerja-kerja pembaikan pagar rosak akibat kerja-kerja cantasan pokok di belakang kawasan Bukit Segar Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

3.57. SISA CANTASAN POKOK TIDAK DIBERSIHKAN

Semakan jabatan mendapati sebahagian sisa cantasan pokok di belakang Taman Bukit Segar Jaya 2 telah dibersihkan.

Makluman

3.58. JALAN ROSAK

Kerja-kerja tampalan sementara jalan di Jalan Cheras Hartamas terutama yang berdekatan dengan pintu masuk dan keluar markas (tanpa izin) telah dilaksanakan oleh pihak Majlis.

Makluman

3.59 LAMPU JALAN TELAH CONDONG

Tiang lampu yang condong di Persiaran Cheras Hartamas hadapan Danau Mas disebabkan dahan pokok. Kerja-kerja pemotongan dahan pokok dalam tindakan Jabatan Belia dan Masyarakat.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.58. PERMOHONAN CANTAS POKOK

Status permohonan kerja-kerja cantasan pokok di lokasi berikut:

- i. Pokok di Tasik Taman Rekreasi tepi Danau Mas – Dalam tindakan jabatan

- ii. Pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya. Dahan telah condong ke tengah jalan – Dalam tindakan jabatan.
- iii. Pokok di Jalan Cheras Hartamas berdekatan Pangsapuri Kempas telah tumbuh di lorong jalan sebelah kiri- Dalam tindakan jabatan.
- iv. Pokok palmtree yang tinggi di Taman Bukit Segar Jaya 1 yang terlalu tinggi akan diselenggara oleh jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.59. PERMOHONAN SEMBURAN ASAP NYAMUK ‘FOGGING’

Kerja-kerja semburan asap nyamuk ‘Fogging’ di seluruh kawasan Zon 24 telah dilaksanakan.

Makluman

3.60. GERAI HARAM

Kompaun telah dikeluarkan terhadap gerai haram yang menjual satay dan otak-otak di hadapan Kedai Bukit Segar pada waktu malam. Pemantauan akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Mesyuarat dimaklumkan ada pertambahan penjaja haram berhampiran bangunan Home Inn dan mohon diambil tindakan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.61. BAS DILETAKKAN DI TEPI JALAN

Pemantauan yang dijalankan pada 13,15 dan 17 Mei 2014 mendapati tiada sebarang bas yang diletakkan di tepi zon hijau Jalan Bukit Segar Jaya (antara Bukit Segar Jaya 2 dan panggupuri Cemara)pada setiap malam. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan notis kepada pemilik syarikat supaya tidak meletakkan bas di kawasan tersebut. Jabatan diminta untuk membuat semakan semula kerana dimaklumkan bahawa bas tersebut masih berada di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.62. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK

Kerja-kerja menaik taraf taman permainan kanak-kanak di Taman Cempaka belakang Dewan Taman Cempaka Kg. Pandan dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.63. PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja pemasangan lampu limpah di taman permainan kanak-kanak di Flat Angsana Hilir belakang Dewan Orang Ramai di Angsana Hilir telah dilaksanakan.

Makluman

3.64. PERMOHONAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pemasangan lampu jalan di tepi Jalan Cahaya 15 berhadapan Apartment Sri Cahaya telah dilaksanakan.

Makluman

3.65. PERMOHONAN UNTUK MENINGGIKAN PENGADANG TAPAK FUTSAL

Kerja-kerja pembaikan pengadang tapak futsal di tepi Lebuh raya MRR2 susur keluar dari Kg Pandan dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.66. PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Semakan mendapati jalan di Jalan Nirwana 1 (hadapan Petronas) lokasi di persimpangan lampu isyarat hadapan Klinik Kg Pandan hingga lampu isyarat berhampiran Tangki Air Syabas tersebut perlu diturap semula. Jabatan mencadangkan untuk disenaraikan dalam perancangan kerja di bawah peruntukan MARRIS.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.67. KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN

Kerja-kerja pengukuhan cerun berhampiran surau Taman Saga, Jalan Saga 24, Jalan Saga 28, Taman Saga Ampang dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 23 Mei 2014. Jabatan juga diminta untuk mengadakan lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan untuk kestabilan cerun-cerun di lokasi tersebut.

Makluman

3.68. PERMOHONAN PEMBAIKAN PADANG

Kerja-kerja pembaikan padang bola di Jalan Teratai 1/9B Taman Bukit Teratai Ampang dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.69. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH GELANGGANG TENIS

Jabatan dalam proses semakan bagi permohonan kerja-kerja membaik pulih gelanggang tenis di padang Jalan Teratai 1/9B, Taman Bukit Teratai. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh jabatan setelah isu kerosakan dikenal pasti.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.70. TANAH AWAM DI JADIKAN RUMAH KEDIAMAN

Berhubung isu tapak bekas kedai menjual alatan memancing di Jalan AU 1A/2, Taman Keramat berhampiran kedai tomyam dan berhadapan pasar ikan telah dijadikan rumah kedieman, Jabatan telah mengeluarkan notis 72(1), Akta 133 meroboh struktur. Jabatan akan memanjangkan perkara ini kepada Pejabat Tanah Daerah Gombak memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan lapang dan terdapat setinggan di tapak.

Tindakan:

PTD Gombak

3.71. PEMBESARAN LONGKANG DI KUALA AMPANG

Kerja-kerja menaik taraf dan membesarkan longkang di sekitar Kuala Ampang kerana sering berlaku banjir akan dilaksanakan pada bulan Jun 2014.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.72. PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan longkang di sekitar kawasan Flat 920 Pandan Indah Jalan 3/3 Pandan Indah dalam proses lantikan kontraktor dan kerja-kerja dijangka bermula Jun 2014.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.73. PEMBERSIHAN TANAH KOSONG

Notis untuk kerja-kerja pembersihan tanah kosong milik MAIS di Jalan 6/1 Pandan Indah akan dikeluarkan pada 19 Mei 2014 untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Tempoh notis adalah 21 hari.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.74. PERMOHONAN KERJA PENURAPAN JALAN

Berhubung isu lorong di antara Jalan Pandan Indah 2/10 dan Jalan Bunga Matahari 1 di Taman Maju Jaya Fasa 3, yang minta diturap, pihak jabatan dalam proses semakan rizab jalan bersama Jabatan Perancang Bandar.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.75. PERMOHONAN PEMOTONGAN POKOK

Kerja-kerja pemotongan pokok di hadapan Surau Ubudiah Jalan Pandan Ilmu, Pandan Indah dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.76. PEMBERSIHAN LONGKANG

Jadual kerja-kerja pembersihan longkang di Lorong Bunga Matahari 1A Taman Maju Jaya Fasa 3, adalah pada 5 Mei 2014 dan 20 Mei 2014.

Makluman

3.77. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Pihak JKR memaklumkan lampu jalan tidak menyala di Jalan Bunga Raya akan dibaiki dalam tempoh 2 minggu.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.78. 'MANHOLE' IWK MELIMPAHKAN AIR

Kerja-kerja penggantian pam telah dipasang di loji IWK di Taman Putra pada 6 Mei 2014 sementara menunggu salah satu pump dibaiki.

Makluman

3.79. HAKISAN SUNGAI

Aduan hakisan sungai di bawah seliaan pihak JPS di lokasi berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda
- ii. Jalan 19, Taman Putra Ampang.

Tindakan:

JPS Hulu Langat

3.80. LONGKANG / DINDING LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pemberian longkang/dinding longkang runtuh di pasar pagi eksspo, Taman Muda berhampiran persimpangan Jalan Bunga Mawar dan Jalan Bunga Mawar 4, Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

3.81. PEMASANGAN 'RAILING'

Jabatan dalam proses permohonan kelulusan bagi permohonan pemasangan 'railing' di lokasi berikut dan pelaksanaannya pada bulan Jun 2014:

- a) di penghujung Jalan Kosas Fasa 5/2 menghala ke parit monsun.
- b) Di persimpangan lampu isyarat antara Jalan Kosas dan Taman Ampang Indah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.82. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pemberian lampu jalan di Jalan Watan 8 sebanyak 4 unit yang tidak berfungsi telah dilaksanakan.

Makluman

3.83. PAPAN TANDA DILARANG MEMELIHARA BINATANG

Kerja-kerja pemasangan papan tanda `dilarang memelihara binatang' dipasang Flat Desa Lembah Permai di bawah kuasa pihak JMB.

Makluman

3.84. LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja membaiki kerosakan longkang di lokasi berikut dalam proses permohonan kelulusan dan pelaksanaannya pada bulan Jun 2014:

- a) Longkang di Lot 1321 Jalan Indah 8/1
- b) Longkang di Jalan Dagang Jaya 12
- c) Longkang di Kg Indah Permai di Jalan A1/1F Lot 1679

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.0. HAL-HAL LAIN

4.1. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG ROSAK

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang rosak di lokasi berikut:

- i. Longkang roboh berhampiran Blok L 30 Jln Pandan 4, Pandan Jaya.
- ii. Longkang roboh di Jalan Pandan 4 (berhampiran PPAS Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya).
- iii. Longkang roboh di Persiaran Pandan 7, Pandan Jaya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.2 TAPAK GERAI TIDAK DIBERSIHKAN

Tapak gerai tanpa izin yang telah dirobohkan di Jalan Pandan 5, Pandan Jaya masih belum di bersihkan. Kawasan tersebut mohon dibersihkan segera dan diganti dengan kawasan hijau.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.3 PERMOHONAN PEMBAIKAN BAHU JALAN DI JALAN PANDAN 5

Memohon kerja-kerja baik pulih di bahu jalan sepanjang Jalan Pandan 5, Pandan Jaya di mana bahu-bahu jalan berlopak dan berair selepas tiap kali hujan terutama sekali di hadapan SMK Pandan Jaya dan SK Pandan Jaya. Masalah

ini menyebabkan masalah trafik menjadi kritikal terutama waktu pagi, tengah hari dan petang. Di tambah pula dengan peniaga-peniaga kecil yang bermiaga di bahu jalan berhampiran kedua-dua sekolah.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.4 PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Memohon supaya dibuat kerja-kerja cantasan pokok di tepi jalan di sepanjang Jalan Pandan 4, Pandan Jaya. Pokok-pokok telah menjadi terlalu rendang dan mengganggu laluan trafik/mengecilkan jalan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

4.5 PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL

Penduduk Kg Perwira Jaya memohon di tambah bonggol-bonggol di jalan Besar Kg Perwira Jaya . Ini disebabkan jalan tersebut digunakan sebagai jalan pintas dari pengguna jalan dari Desa Pandan ke Ampang Hilir/Jalan Ampang. Beliau juga memaklumkan telah berlaku kemalangan kepada penduduk setempat oleh kerana kenderaan laju.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.6 PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Memohon supaya kerja-kerja pembaikan jalan dilaksanakan di lokasi berikut:

- i. Jalan Pandan 2, Pandan Jaya.
- ii. Jalan Pandan 5, Pandan Jaya.
- iii. Jalan masuk ke Medan Selera dari Jalan Persiaran 3, Pandan Jaya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.7 PERMOHONAN KERJA MENAIKTARAF LONGKANG

Penduduk Kg. Pandan Luar merayu agar longkang di Jalan Kemajuan Kg Pandan (Kg Pandan Luar) dinaik taraf kerana air tidak mengalir dan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan. Keadaan menjadi lebih buruk setiap kali hujan.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.8 PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN 2/10 PANDAN INDAH

Mohon kerja-kerja pembersihan longkang di belakang rumah Jalan 2/10 Pandan Indah.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.9 PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Kerosakan jalan di hadapan Sekolah Rendah Pandan Indah dan perlu dibaiki segera.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.10 PENGGANTIAN PAPAN TANDA ARAH JALAN

Mohon menggantikan papan tanda arah jalan di sekitar Pandan Indah kerana banyak yang sudah tidak jelas.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.11 PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU LIMPAH

Mohon dipasangkan lampu limpah di salah satu tiang yang terdapat di tepi Dewan Flat Sri Inai kerana di kawasan itu terlalu gelap di waktu malam.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.12 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KERAYONG

Mohon dibersihkan di tebing Sungai Kerayong antara Jalan Bunga Raya hingga ke Taman Pandan Indah.

Tindakan:

JPS Hulu Langat

4.13 JAMBATAN ROSAK

Jambatan di Jalan Muhibbah, Lembah Maju mengalami kerosakan kerana terdapat satu lubang yang mendaratangkan bahaya kepada pengguna lalulintas.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.14 ISU DI DEWAN ORANG RAMAI KG. KEMENSAH

Terdapat beberapa isu di Dewan Orang Ramai, Kg. Kemensah dan perlu diambil tindakan:

- i. Tanah runtuh di belakang dewan.
- ii. Mohon dibina pintu masuk di pagar kawasan dewan.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.15 LONGKANG TIDAK DISELENGGARA MENGIKUT JADUAL

Longkang tidak di selenggara mengikut jadual di Kg. Kemensah.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.16 LONGKANG TERSUMBAT

Longkang tersumbat di Jalan Selangor, Bandar Melawati (Belakang Restoran Deen).

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.17. PERMOHONAN NAIKTARAF JALAN DI KAWASAN PERKUBURAN

Jalan di kawasan perkuburan Kg. Klang Gate mohon dinaik taraf untuk memudahkan kenderaan memasuki ke kawasan berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.18. PERMOHONAN LAMPU JALAN

Permohonan lampu jalan di Jalan Lembah Jaya 7, Lembah Jaya Ampang, (berhampiran lot 14.)

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.19 PERMOHONAN LAMPU KUNING

Permohonan lampu kuning di atas ‘bus stop’ di persimpangan Taman Industri Lembah Jaya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.20. PERMOHONAN PENURAPAN JALAN

Penurapan jalan di Jalan Taman Dagang Jaya, Lembah Jaya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.21. PERMOHONAN LAMPU JALAN

Permohonan lampu jalan di lorong Dagang II (sebelah surau).

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.22. PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Mohon kerja-kerja pembaikan papan tanda jalan di Jalan Indah 2, Kg Ampang Indah yang telah rosak.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.23. AKTIVITI CAR BOOT SALE DI AMPANG WATER FRONT

Mohon disemak penganjuran 'Car boot sale' di Ampang Waterfront (sebelah burger Kaw-kaw).

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

4.24. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG

Terdapat longkang pecah/runtuh di Jalan Bunga Tanjung 9C, Taman Muda mohon diperbaiki.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.25. JALAN BERLUBANG

Jalan berlubang di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Muda dan mohon turapan semula.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.26. LOKASI SERING BERLAKU BANJIR

Terdapat beberapa lokasi yang sering berlaku banjir apabila hujan lebat. Mohon ambil tindakan yang sewajarnya.

- i. Jalan 19, 20, 21 Taman Putra.
- ii. Jalan Bunga Tanjung 10A, Taman Muda di sekitar tempat penjaja dan perumahan/BHP Petrol Station.
- iii. Jalan Bunga Tanjung 6.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.27. LONGKANG RUNTUH DAN ROSAK

Terdapat kejadian longkang runtuh dan rosak di Jalan Bunga Melur 1.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.28. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT

Mohon pihak JKR melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan Jalan Bunga Mawar 4 dan Jalan Bunga Teratai 1 /2 untuk melancarkan pergerakan lalu lintas supaya kenderaan boleh terus membelok ke kiri sekiranya tiada kenderaan dari arah kanan jalan.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

4.29. KERJA PEMBERSIHAN LONGKANG YANG TIDAK SEMPURNA

Kontraktor pembersihan tidak membersihkan longkang di Taman Bukit Segar Jaya 2 dan menyebabkan longkang tersumbat seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk dan banyak membawa nyamuk.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.30. RUMAH RETAK DI TAMAN BUKIT SEGAR JAYA 1

Terdapat retakan berlaku di bahagian belakang rumah di rumah No. 77, Jalan BSJ 1, Taman Bukit Segar Jaya 1. Mohon semak kestabilan tanah di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.31. GERAI HARAM

Terdapat gerai haram di tepi kawasan rumah kedai di Bukit Segar dan bermiaga pada waktu malam dengan meletakkan kerusi meja.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.32. PASU BUNGA PECAH DAN ROSAK

Pasu bunga di Jalan Bukit Segar Jaya pecah akibat dilanggar oleh sebuah kereta dan mohon diperbaiki.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.33. SISA POKOK TUMBANG DI TAMAN BUKIT SEGAR TIDAK DIBERSIKHKAN

Terdapat sisa pokok tumbang di Taman Bukit Segar berhampiran rumah pengawal masih belum dibersihkan. Akar pokok dan longkang yang pecah telah menyekat aliran air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.34. PERMOHONAN POTONG POKOK

Pokok di No. 32, Jalan BS 2A, Taman Bukit Segar perlu dipotong kerana akarnya telah merosakan longkang di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.35. PERMOHONAN TAMPALAN LUBANG DI JALAN CHERAS HARTAMAS

Terdapat lubang yang sangat besar di tepi Jalan Cheras Hartamas berhampiran Pangaspuri Kempas.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.36. LUBANG DI TENGAH JALAN

Terdapat satu lubang di tengah-tengah jalan dekat Canary Residence, selepas Cengal – Jalan Cheras Hartamas.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.37. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Terdapat sebatang pokok Palm yang telah dilanggar oleh sebuah kereta dan sudah condong di Jalan Cheras Hartamas, dekat pangaspuri Bukit Segar dan mohon pokok tersebut dicantas.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.38 KEJADIAN BANJIR DI SEKOLAH AGAMA KG CHERAS BARU

Kejadian banjir sering berlaku di Sekolah Agama Kg. Cheras Baru apabila hujan lebat. Mohon ambil tindakan sewajarnya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.39 KERJA-KERJA PENUTUPAN LUBANG KOREKAN YANG TIDAK SEMPURNA

Pihak utiliti DIGI telah menjalankan kerja-kerja korekan jalan di Bukit Permai namun tidak menutup lubang tersebut dengan sempurna dan mohon tindakan diambil ke atas perkara tersebut.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.40 KEJADIAN TANAH RUNTUH

Terdapat kejadian tanah runtuhan di Mutiara Court Taman Bukit Permai dan mohon tindakan segera diambil.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.41 PERMOHONAN MENAIKTARAF PUSARA PERMAI AMPANG

Beliau memohon penjelasan berkaitan cadangan menaik taraf Pusara Permai Ampang, Taman Bukit Teratai dari segi infrastruktur serta kemudahan-kemudahan lain serta kos berkaitan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.42. PERMOHONAN PENYELENGGARAN MONSOON DRAIN

Beliau memohon pihak JPS Gombak untuk menyelenggara pokok-pokok yang terdapat di monsoon drain di Kg. Sungai Sering.

Tindakan:

JPS Gombak

4.43. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN ROSAK

Beliau memaklumkan 'grating' jalan di Ukay Perdana rosak dan mohon diperbaiki.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

5.0 **PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbaangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
21 Mei 2014

4.5.

**LAPORAN MESUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.3/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL. 3/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 16 MEI 2014

MASA : 9.30 PAGI - 11.44 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Pemangku Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Syarifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 4. | Tn. Ramlie Bin Md. Said | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 7. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 8. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 9. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 10. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 11. | Tn. Johari Bin Atlie | - | Memangku Setiausaha |

LAMPIRAN E**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.4/2014****LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.03/2014 telah diadakan pada 16 Mei 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 ASPEK KESIHATAN**2.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR
AMPANG JAYA**

Kes denggi minggu Epid ke 1 hingga minggu epid 18, bagi tahun 2014 iaitu sehingga 30 April 2014, dilaporkan 1345 kes denggi di mana 5 kes demam denggi berdarah dicatatkan berbanding hanya 349

kes dengan tiada deman denggi berdarah dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Terdapat 41 lokaliti wabak tidak terkawal dan kawasan yang dinyatakan adalah kawasan hotspot:

1. Taman Ampang Hilir (Flat Ampang Hilir)
2. Taman Kosas (Jalan 2/2,2/4,2/7,2/9,2/11B)
3. Bandar Baru Ampang (Jalan Wawasan
2/1 - 2/8,2/10,2/12)
4. Taman Cheras Indah (Jalan Indah 1 - 11)
5. Pandan Indah (Appt Bunga Raya)
6. Kampung Baru Ampang (Jalan 10 - 13)
7. Taman Mulia Jaya (Jln Mulia 2/2 -2/1)
8. Taman Halaman (Jln Halaman 2-8, 5A)
9. Taman Cheras Indah (Jalan Indah 12-15)
10. Pandan Indah (Grandeur Tower)
11. Pandan Mewah (Flat A1 - A6)
12. Pandan Perdana (Jln Perdana 5/1 - 5/11)
13. Pandan Indah (Jln 1/7 - 1/19)
14. Bandar Baru Ampang (Flat Sri Nilam)
15. Kampung Dato Mufti (Lorong 1-6)
16. Taman Kosas (Chancellor Condo)
17. Bandar Baru Ampang (Jalan 1/1 - 1/10)
18. Taman Saga (Jln Saga 1-10)
19. Pandan Mewah (Jln Mewah 2)

Dimaklumkan juga sebanyak 60 aktiviti berkaitan pencegahan denggi (gotong royong, taklimat, ceramah, program COMBI, pameran dan operasi penguatkuasaan dan tapak bina) telah dijalankan

sejak Januari hingga 30 april 2014. Pihak JKP digesa membentuk pasukan COMBI / skuad denggi bagi mengaktifkan aktiviti cegah denggi dikalangan penduduk.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.2 KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan sehingga 29 April 2014 sebanyak 17 lokasi telah mengadakan aktiviti kalawan tikus menggunakan racun (Racumin) di mana lubang-lubang tikus dikenalpasti dan diletakkan racun. Sebanyak 271 karkus telah dikutip sepanjang aktiviti tersebut.

Lokasi adalah di Jalan Pandan Indah 19, Jalan Pandan Indah 3/3, Fasa 10 Taman Melawati, Persiaran Pandan 1 P. Jaya, Jalan Nirwana 38, Lorong 5/6A Taman Sri Raya, Jalan Pandan Indah 14 dan Flat Taman Dagang, Menara Kayangan Taman TAR, Jalan Bukit Indah 3/7 dan Jalan Dagang 16, Jalan 1/2 Taman Bukit Teratai, Jalan Pandan Indah 4/28, kawasan rumah kedai dan Dewan Taman Sri Watan, Jalan UB 8 Ukay Bistar, Blok F Sri Angsana Hilir dan Jalan Wawasan 2/1 Bandar Baru Ampang.

Kawalan meracun tikus telah dilaksanakan di sekitar kawasan rumah kedai dan Gerai UPEN dan Taman Sri Watan pada 17 April 2014, dan mendapati sebanyak 35 karkus telah dijumpai.

Walaupun aktiviti meracun telah dijalankan, masih terdapat banyak tikus di kawasan berkenaan. Sehubungan itu, Jabatan diminta membuat ulangan semula bagi aktiviti kawalan dan menangkap tikus di Taman Sri Ampang dan Taman Sri Watan. Jabatan juga diminta membantu aktiviti meletak racun di kawasan Pandan Indah berkaitan gotong royong akan diadakan di kawasan tersebut pada 18 Mei 2014.

Pihak JKP digesa menyelaras aktiviti / program tangkap tikus bagi mengaktifkan aktiviti kawalan tikus di kalangan penduduk.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan bagi tempoh Januari hingga April 2014, sebanyak 354 buah premis makanan telah disemak di mana sebanyak 171 buah premis gred A, 131 buah premis adalah gred B dan sebanyak 52 adalah gred C. Peratusan premis bersih adalah 85.3%. Sebanyak 81 kompaun telah dikeluarkan. Statistik laporan adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2. ASPEK ALAM SEKITAR

2.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan laporan bulan Mei sehingga 8 Mei 2014, sebanyak 89 notis (14 hari) telah dikeluarkan di Taman Sri Ampang, Taman Sri Watan, Taman Sri Intan dan Taman Cahaya. Tindakan susulan akan diambil selepas notis tamat.

Mesyuarat memutuskan supaya kempen tong sampah ini dijalankan ke seluruh kawasan Majlis agar semua premis diwajibkan menyediakan tong sampah dan denda akan dikenakan kepada premis yang gagal mematuhiinya. Kain rentang hendaklah dipasang bagi tujuan hebahan kempen tersebut.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Bahagian Perhubungan Awam**

2.2.2. AKTIVITI TEMPAT LETAK KERETA DI KAWASAN LAPANG DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B

Mesyuarat dimaklumkan pemohon telah mengemukakan permohonan lesen pada 24 April 2014, namun dokumen tidak lengkap (gambar pemohon tidak dilampirkan). Permohonan dalam proses ulasan teknikal. Tindakan sitaan telah dibuat pada 31 Mac, 10 April dan 8 Mei 2014.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan
(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa
Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

2.2.3. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA.

Mesyuarat dimaklumkan sehingga tarikh 10 Mei 2014, pihak pemaju masih belum memasang 'hoarding'. Perkara ini akan dibincangkan bersama Jabatan Perancang Bandar untuk tindakan penyelesaian.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.4. TONG SAMPAH BESAR DI PERUMAHAN BERSTRATA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JMB pangaspuri Sri Angsana perlu memohon kepada pejabat DUN. Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Ampang Jaya menyatakan pemilik bangunan hendaklah menyediakan sendiri tong sampah seperti yang diarahkan oleh Majlis.

Tindakan:
Bahagian COB

2.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI TANAH PEMAJU (LEMBAH LANGAT) DI JALAN KELAB 7, TAMAN KELAB UKAY, BUKIT ANTARABANGSA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak pemaju masih tidak mematuhi notis yang dikeluarkan pada 4 Mac 2014. Sehubungan itu, Jabatan melalui team 'back up' membuat pemotongan rumput pada 15 Mei 2014.

Makluman

2.2.6. TONG SAMPAH BESAR

Mesyuarat dimaklumkan, penyediaan tong sampah di simpang Jalan Bunga Tanjung 8, Jalan Bunga Tanjung 8B dan Jalan Bunga Tanjung 9, sedang dalam tindakan Jabatan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.7. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan berusaha membuat kawalan terhadap kawasan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram dan diambil tindakan penguatkuasaan. Kerja-kerja pembersihan sentiasa dilakukan terutamanya di sekeliling tanah PKNS,Tasek Tambahan @ Taman Seri Bayu. Lokasi ini menjadi tumpuan pembuangan sampah sisa binaan.

Pemasangan cctv perlu diadakan di kawasan berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.8. RUMPUT DI 'MONSOON DRAIN'

Jadual pemotongan rumput di 'monsoon drain' Taman Kosas Fasa 5 berhadapan Dusun Bandar telah dilaksanakan pada 15 dan 16 Mei 2014.

Makluman

2.2.9. TAPAK LAMA KOLAM MEMANCING DI TAMAN KOSAS (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di (tapak pemaju Metroplex) akan dijalankan oleh 'team back up' pada 14 Mei 2014 iaitu 10 kaki dari kawasan longkang sahaja.

Mesyuarat juga memutuskan supaya Jabatan Perancang Bandar menyelaraskan satu mesyuarat bersama pemaju Metroplex membincangkan perancangan yang dihendak dibuat oleh pihak pemaju ke atas semua tanah pemaju yang masih berada di dalam kawasan Majlis.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Perancang Bandar**

2.2.10. PEMBERSIHAN SEMAK DAN PEMOTONGAN POKOK

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pemotongan rumput di sekeliling Dewan Taman Dagang Jaya Jalan 9 telah dilaksanakan pada 7 Mei dan 8 Mei 2014 dan jadual selanjutnya pada 22 dan 23 Mei 2014. Ahli Majlis kawasan memohon agar dipotong pokok-pokok besar di sekeliling kawasan dewan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.2.11. RUMPUT TIDAK DIPOTONG MENGIKUT JADUAL

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pemotongan rumput di Jalan Bukit Pandan 2, Bukit Pandan telah dilaksanakan pada 3 Mei 2014.

Makluman

2.2.12. LONGKANG TIDAK DIBERSIKHAN

Mesyuarat dimaklumkan longkang di Jalan Bukit Pandan telah dibersihkan bermula dari minggu pertama bulan Mei 2014 iaitu pada 1 Mei 2014 sehingga 9 Mei 2014.

Makluman

2.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

2.3.1. BAIK PULIH PADANG AWAM

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan di padang awam Flat PKNS Jalan 4M sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.2. PEMBAIKAN DI DEWAN ORANG RAMAI PANDAN INDAH JALAN 5/12

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan di Dewan Orang Ramai Pandan Indah Jalan 5/12 sedang dalam tindakan pihak kontraktor dan dijangka siap pada akhir bulan Mei 2014.

Makluman

2.3.3. PEMBAIKAN DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3 PANDAN INDAH, PEJABAT AHLI MAJLIS ZON 9

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan dewan sedang dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada akhir bulan Mei 2014.

Makluman

2.3.4. KEROSAKAN PAGAR FUTSAL DI TAMAN SRI WATAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerosakan pagar di padang futsal di Taman Sri Watan sedang dalam tindakan Jabatan untuk pembaikan. Sehubungan itu, Ahli Majlis kawasan Tuan Hj. Ramli Bin Md. Said merakamkan terima kasih di atas tindakan yang diambil oleh Jabatan Belia Masyarakat dalam menyelesaikan perkara yang dibangkitkan.

Makluman

2.3.5. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG KAMPUNG AMPANG INDAH

Pembaikan padang di Kampung Ampang Indah dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.6. PEMBAIKAN PAGAR DI DEWAN LEMBAH JAYA

Kerja-kerja membaiki pagar di Dewan Lembah Jaya Selatan masih dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.7. GELANGGANG SEPAK TAKRAW

Mohon dibaiki keperluan asas terutama lampu di Gelanggang sepak takraw di dalam Dewan Orang Ramai Taman Sri Raya.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.8. PAPAN TANDA ZON

Papan tanda zon perlu ditukar mengikut zon yang betul seperti Taman TTDI, Taman Ampang Indah, Taman Bukit Indah ditukar ke Zon 10, Taman Bukit Alam Ukay ditukar ke Zon 5 dan lain-lainnya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

2.3.9. PEMBAIKAN DEWAN TAMAN BUKIT MULIA (ZON 5)

Pembaikan Dewan Bukit Mulia dalam tindakan kontraktor. Dewan tersebut akan digunakan oleh Pn. Hajjah Wan Hasrina Binti Wan Hassan sebagai pejabat JKP Zon 4.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3. HAL-HAL LAIN

3.1. ASPEK KESIHATAN

3.1.1. ANJING LIAR

Anjing liar banyak berkeliaran di Jalan Indah 2, Kampung Ampang Indah dan Blok B4 Flat Desa Lembah Permai perlu diambil tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2. PENANGKAPAN TIKUS

Mohon penangkapan tikus di Zon 5, sekitar Jalan Wangsa 2, dan Jalan Wangsa 11 yang merupakan kawasan pusat perniagaan gerai makan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2 ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. SEMAK SAMUN DI SUNGAI KERAYONG

Beliau memohon pihak Majlis dapat memanjangkan isu semak samun di Sungai Kerayong berhampiran Jalan Bunga Raya dan Pandan Indah untuk tindakan pihak JPS Hulu Langat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. LONGKANG TERSUMBAT

Longkang tersumbat dipenuhi pasir dan rosak di belakang rumah Jalan Jalan 2/10 Pandan Indah.

Tindakan:

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/
Jabatan Kejuruteraan**

3.2.3. POKOK LIAR DI TEPI PADANG

Mohon supaya kontraktor pembersihan dapat membuang pokok liar yang tumbuh di tepi padang Taman Maju Jaya Fasa 3.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.4. PENYAPUAN JALAN TIDAK MENGIKUT JADUAL

Jalan di Taman Maju Jaya Fasa 3 dan Jalan Pandan Indah tidak disapu mengikut jadual.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.5. MONSOON DRAIN TIDAK DISELENGGARA

'Monsoon drain' di antara Jalan F 4 dan F 5, Taman Melawati bersebelahan Masjid Al-Mardhiyah Taman Melawati tidak diselenggara dengan baik.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.6. PEMOTONGAN RUMPUT

Rumput di belakang pejabat Y.B Azmin Bin Ali perlu dipotong kerana telah setinggi lalang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.7. NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Menyarankan supaya notis dikeluarkan kepada kontraktor pembersihan yang tidak berprestasi dan gagal menjalankan kerja mengikut jadual. Kontraktor yang melebihi 3 kali peringatan harus ditukar kepada kontraktor baru terutama kontraktor pembersihan di kawasan Ampang Point.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.8. PENUTUP LONGKANG

Terdapat penutup longkang di Ampang Waterfront di sekitar depan dan bertentangan persimpangan trafik light ke Taman Sri Watan, tidak diletakkan semula di tempat asal setelah kerja-kerja pembersihan longkang dijalankan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.9. TAKLIMAT PENGURUSAN PEMBERSIHAN KAWASAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta untuk mengadakan segera taklimat pengurusan pembersihan kawasan kepada Ahli Majlis bagi melancarkan penerangan kepada penduduk sekiranya diutarakan kepada Ahli Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.10. LONGKANG TERSUMBAT

Longkang tersumbat di Lot 1510 Kampung Ampang Indah mohon dibersihkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.11.POTONG RUMPUT DAN PEMBERSIHAN LONGKANG

Didapati rumput tidak dipotong dan longkang tidak dibersihkan mengikut jadual di sekitar Jalan Bukit Permai 1.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.12. MONSOON DRAIN TIDAK SELENGGARA

‘Monsoon drain’ di dua lokasi berikut:

- i) Taman Puncak Bukit Utama ke Riverdale (Fasa 1)
- ii) Dari Riverdale hingga Taman Bukit Mulia.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.13. SAMPAH PUKAL DI KAWASAN JALAN ENGGANG

Mohon pihak kontraktor menjalankan tugas mengikut jadual memungut sampah pukal di keseluruhan kawasan Jalan Enggang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. BAIK PULIH PADANG DI DALAM PENTADBIRAN MPAJ

Beliau memohon supaya Majlis dapat menaiktaraf dan membaikpulih padang-padang Majlis kerana didapati padang yang sedia ada belum mencapai standard padang untuk aktiviti sukan terutama pertandingan bola sepak.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.2. PERMOHONAN PENANAMAN SEMULA POKOK

Permintaan penduduk di A1 dan A2, Taman Melawati supaya 3 batang pokok yang ditebang diganti semula dengan menanam pokok baru.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.3. PEMBAIKAN PAGAR FUTSAL

Pagar di padang Futsal, Jalan H didapati rosak dan mohon diperbaiki. Simen padang juga telah rosak lokasi iaitu di Dataran Anak Muda

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.4. MENEBANG DAN MENCANTAS POKOK

Mohon diambil tindakan ke atas perkara berikut:

- a) Pokok liar di Jalan F-3 Taman Melawati
- b) Menebang pokok sebelah rumah No.445, Jalan B- 5/Jalan B-1
- c) Menebang pokok di simpang Jalan F-1 hadapan Pandang Bola Jalan Melawati
- d) Mencantas pokok di Jalan F13 persimpangan Jalan F-10

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.5. STATUS DUSUN BANDAR DI TAMAN KOSAS

Memohon penjelasan berhubung status dan perancangan Dusun Bandar di Taman Kosas bagi perkara seperti berikut:

- a) Tempoh penyelenggaraan kontraktor
- b) Jenis pokok yang ditanam
- c) Penyelenggaraan pokok
- d) Penyelenggaraan pembersihan
- e) Papan tanda nama-nama pokok
- f) Papan tanda syarat penggunaan dan tanggung jawab pengguna

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.6. TAMAN RIMBA AMPANG

Beliau memohon penjelasan padang permainan Taman Rimba Ampang.

Pihak Jabatan Belia dan Masyarakat memaklumkan bahawa Taman Rimba Ampang telah mendapat peruntukan baik pulih Taman yang akan dilaksanakan oleh Tourism Selangor.

Makluman

3.3.7. DEWAN KAMPUNG SG.SEPUTIH

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah memaklumkan dewan tersebut telah diambil alih oleh pihak Majlis dan dalam tindakan Jabatan kerana

terdapat beberapa masaalah yang ditangani terhadap dewan tersebut.

Makluman

3.3.8. SALIRAN AIR DARI PROJEK TAMAN REKREASI

Mohon Jabatan Belia dan Masyarakat melihat kembali projek Taman Rekreasi Tasik Tambahan kerana air lumpur mengalir memasuki Sekolah Agama yang berhampiran.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.9. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Mohon dicantas pokok di Jalan 9, Kampung Ampang Indah.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.10. PERMOHONAN PAGAR BESI

Padang/tempat riadah di Taman Permai Jaya perlu dipagar atau dibina penghadang kerana tempat tersebut kerap dijadikan tempat letak kereta.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.11. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG

Memohon supaya padang di Taman Rasmi Jaya dinaiktaraaf.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.12. TUNGGUL POKOK

Terdapat beberapa tunggul pokok di Jalan Wangsa 1 dan Jalan Mulia 1/2 yang perlu dibersihkan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.13. PAGAR HALANGAN BOLA

Memohon digantikan pagar halangan bola yang baru di tapak permainan Taman Bukit Utama 2.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.14. PERMOHONAN SEBUAH PADANG FUTSAL SERBAGUNA

Sebuah sebuah padang futsal serbaguna diadakan di Taman Bukit Mulia lokasi di belakang Surau Bukit Mulia. Tapak asal padang futsal yang dicadangkan adalah tapak gelanggang badminton.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.15. PADANG CERGAS

Tapak permainan berhampiran Impian Selatan dicadangkan sebagai padang cergas di Dun Bukit Antarabangsa kerana telah ada kemudahan asas seperti gazebo, permainan kanak-kanak, kerusi batu, lampu solar dan lain-lain lagi.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. STATUS TANAH REZAB

Mohon disemak status tanah rezab di Jalan Persiaran Desa Ampang 4.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.4.2. PAPAN TANDA

Papan tanda Jalan Indah 2, Kampung Ampang Indah telah jatuh.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.4.3. PERMOHONAN MEMBAIKPULIH DEWAN

Mohon supaya Dewan Taman Rasmi Jaya dibaiki.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4.4. GERAI HARAM

Pertumbuhan gerai haram di Taman Bukit Permai dan Kampung Cheras Baru dan mohon perkara ini diambil tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.4.5. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG PECAH

Lokasi longkang pecah yang perlu dibaiki di Taman Melawati seperti berikut:-

- a) Belakang perumahan antara Jalan F-10 & F-11
- b) Belakang rumah No. 302, Jalan B-8
- c) Belakang rumah No. 479, Jalan B-12
- d) Belakang rumah No. 369, Jalan B-6
- e) Belakang rumah di antara Jalan B-3 dan B-5
- f) Depan padang bola Jalan Melawati sebelah Masjid Al-Mardhiyah
- g) Belakang perumahan Jalan C-10

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.4.6. PEMBAIKAN PENGHADANG JALAN (RAILING)

Penghadang jalan (railing) di Jalan Melawati 3, di atas bukit antara KKlub, Taman Melawati dengan Sekolah Antarabangsa, Taman Melawati didapati tumbang dan mohon diperbaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.4.7. UCAPAN TERIMA KASIH

Beliau merakamkan ucapan terima kasih daripada Penduduk Lembah Maju dan Pandan Mewah kepada MPAJ terutamanya Jabatan Perkhidmatan Bandar di atas kerjasama dan tindakan yang diberikan terhadap isu-isu kutipan sampah dan penjaja haram.

Makluman

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23/5/2014

LAMPIRAN 1

**STATISTIK PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN
MENGIKUT KATEGORI DAN GRED SEHINGGA
30 APRIL 2014**

| BIL | KATEGORI | JUMLAH KESELURUHAN PREMIS AKTIF | GRED | | | BIL KOMPAUN | |
|--------|--------------|---------------------------------------|------|-----|----|-------------|--------------------------|
| | | | A | B | C | 9 (f) | 47(1)(d)/UU K19(1)(d) |
| 1. | RESTORAN | 718 | 134 | 107 | 47 | 46 | 21 |
| 2. | MEDAN SELERA | 158 | 18 | 8 | 0 | 7 | 0 |
| 3. | GERAI STATIK | 91 | 4 | 6 | 1 | 1 | 1 |
| 4. | KANTIN | 54 | 0 | 3 | 1 | 0 | 0 |
| 5. | UPEN | 51 | 15 | 7 | 3 | 5 | 0 |
| 6. | BOT | 82 | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | | 1154 | 171 | 131 | 52 | 59 | 22 |

$$\frac{171(\text{Gred A}) + 131(\text{Gred B})}{354} \times 100 = 85.3\%$$

4.6.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.7/2014**

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 07/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Tarikh : 14 MEI 2014 (RABU)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atlil
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mohamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
6. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
7. En. Raja Azhar B. Raja Alias
Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8. Cik Noor Sahaliza Bt. Ramli
Jabatan Perancang Bandar & Desa,
Negeri Selangor

9. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
10. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
11. En. Kamarulnizam B. A. Ghani
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
12. En. Hasrolnizam B. Shaari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
13. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
14. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
15. En. Mohd Noor Isman B. Ismail
Bahagian COB, MPAJ
16. Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad
Pegawai Perhubungan Awam, MPAJ
17. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan perkhidmatan perbandaran & Kesihatan, MPAJ
18. Pn. Noor Isme Zah Bt Ismail
Jabatan Belia & Masyarakat, MPAJ
19. En. Rosni B. Zainal
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPAJ

TURUT HADIR

1. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Bahari B. Sulieman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
4. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
6. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
7. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
8. Pn. Safirah Bt. Saad
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. En. Jufri Wazir B. Abd Talib
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Pej. Tanah & Daerah Gombak
2. Jabatan Mineral & Geosains Selangor
3. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
4. Jabatan Kerja Raya Gombak

5. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
6. Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
7. PDRM (Daerah Ampang)
8. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
9. Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
10. Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
11. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
12. Indah Water Konsortium (IWK)
13. SYABAS
14. TNB Distribution Sdn. Bhd.
15. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. En. Mohd Syukri B. Yahya
Peg. Perancang Bandar
Bahagian OSC - Pencatit minit
3. Pn. Suzana Bt. Moehamad Ali
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC

4. En. Muhammad Hanafi B. Othman
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
5. Pn. Rozita Bt. Razali
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
6. Pn. Intan Azuana Bt. Haris
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

LAMPIRAN F**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2014****LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)****1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2014 telah diadakan pada 14 Mei 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 2.1.1 Satu (1) Permohonan serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.
- 2.1.2 Lima (5) Permohonan Kebenaran Merancang pernah ditangguhkan dibincangkan semula , dua (2) diluluskan dengan syarat dan tiga (3) telah ditangguhkan.
- 2.1.3 Dua (2) Permohonan Pelan Kerja Tanah pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan. Satu (1) Pelan Infrastruktur dibincangkan dan diluluskan.

2.2 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CADANGAN ALAMAT)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (cadangan alamat) telah dikemukakan dan ditolak.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.6 PEMBATALAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) pembatalan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan dibatalkan.

2.7 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN

Dua (2) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah ditangguhkan dan satu (1) telah diluluskan.

2.8 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah telah dikemukakan dan diluluskan.

2.9 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR

Satu (1) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.10 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan (pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.11 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.12 HAL-HAL LAIN

2.12.1 Sebanyak 26 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 18 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2014.

2.12.2 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2014.

2.12.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Disediakan Oleh:

Bahagian Urusetia

Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

4.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL.8/2014

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 08/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Tarikh : 22 MEI 2014 (KHAMIS)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atli
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
6. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
7. En. Mohd Zuwahir B. Wandi
Pej. Tanah & Daerah Gombak
8. En. Ahmad B. Muhamad Yusoff
Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
9. Cik Noor Sahaliza Bt. Ramli
Jabatan Perancang Bandar & Desa,
Negeri Selangor

10. En. Muhammad Ezwan B. Dahlan
Jabatan Mineral & Geosains Selangor
11. Pn. Nor Liza Bt. Yen
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
12. Cik Noor Syazwani Noor Sazali
Indah Water Konsortium (IWK)
13. Rosliza Bt. Mohammad
SYABAS
14. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
15. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
16. Pn. Zuraaina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
17. En. Hasrolnizam B. Shaari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
18. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
19. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
20. En. Azam B. Husni
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPAJ

TURUT HADIR

1. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ

2. En. Othman B. Idris
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
3. En. Bahari B. Sulieman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
4. Pn. Nurul Husna Bt. Mohd Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
5. Pn. Norizan Bt. Ibrahim
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
6. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
7. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
8. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. Pn. Safirah Bt. Saad
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
10. En. Hasnol B. Abu Bakar
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
2. Jabatan Kerja Raya Gombak
2. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
3. Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
4. PDRM (Daerah Ampang)

5. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
6. Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
7. Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
8. TNB Distribution Sdn. Bhd.
9. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. En. Mohd Syukri B. Yahya
Peg. Perancang Bandar
Bahagian OSC - Pencatit minit
3. Pn. Suzana Bt. Moehamad Ali
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
5. En. Muhammad Hanafi B. Othman
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
7. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.04/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014 telah diadakan pada 22 Mei 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang pernah ditangguhkan dibincangkan semula , satu (1) diluluskan dengan syarat dan dua (2) telah ditangguhkan.

2.1.2 Dua (2) Permohonan Pelan Kerja Tanah pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan tangguhkan. Satu (1) Pelan Infrastruktur dibincangkan dan ditangguhkan.

**2.2 PERMOHONAN SERENTAK (PELAN KEJURUTERAAN DAN
PELAN BANGUNAN)**

Dua (2) permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan Dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan ditangguhkan

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, satu telah diluluskan dan satu (1) ditangguhkan.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.6 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan (pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.7 HAL-HAL LAIN

2.7.1 Sebanyak 29 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 12 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014.

2.7.2 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014.

- 2.7.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan Dan Taman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014.
- 2.7.4 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

Disediakan Oleh:

Bahagian Urusetia

Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)

Majlis Perbandaran Ampang Jaya